ADVANTURA
PULANG KE MALAYA

BADRUL HISHAM

BADRUL HISHAM

ADVANTURA PULANG KE MALAYA

synapsis

Laser Cut Malaysia

44A, JALAN KELULI AK7/AK, SEKSYEN 7, 40000 SHAH ALAM, SELANGOR

Cappadocia,Turkey

‘Kejarlah impian awak sejauh mana dan sesusah mana pun, tidak ada erti kegagalan selagi mana kita berlari mengejar impian’

BADRUL HISHAM

Lulusan Sarjana Kejuruteraan Mekanikal dari Universiti terkemuka di England. Orang pertama di England yang berselfie dan menari ketika majlis graduasi sehingga video menjadi viral di Malaysia. Berasal dari kampong sehingga berjaya ke puncak menara gading. Dengan berprinsipkan hidup ini sangat pendek dan perlu berimpian besar, Hisham berjaya mencipta nama di dalam pelbagai bidang termasuk sukan basikal. Anda tidak percaya? Ini IG *hisham_kck* dan FB *Badrul Hisham.*

Terbitan lain oleh Abang Badrul Hisham boleh didapati di *www.3dsynapsis.com/blog*

3dsynapsis@gmail.com
facebook.com/Laser Cut Malaysia
instagram.com/Laser Cut Malaysia

Advantura Pulang Ke Malaya ini adalah tulisan Badrul Hisham
Diterbitkan oleh Laser Cut Malaysia.

44A, JALAN KELULI AK7/AK, SEKSYEN 7, 40000 SHAH
ALAM, SELANGOR

Hakcipta Terpelihara Karya oleh Badrul Hisham

KATA PENGANTAR

Buku ini didedikasikan khas kepada mereka yang memberi sokongan dan restu. Walaupun sebelum aku memulakan perjalanan ini, pakcik-pakcik dan makcik-makcik belah mak dan ayah, nenek, sepupu sepapat, jiran-jiran di Malaysia dan UK, kawan berbasikal serta kebanyakan kawan terdekat tidak merestui perjalanan ini kerana terlampau risau akan keselamatan aku. Namun, dengan semangat berkobar-kobar yang aku miliki, hanya dua insan saja yang benar-benar merestui perjalanan aku ini, iaitu emak dan ayah tercinta. Al-fatihah kepada ayah yang telah pergi buat selamanya pada September 2018. Ayah aku pernah berkata "Kenapa kita perlu ikut laluan hidup orang lain kalau kita dapat buat laluan kita sendiri". Akan ku pegang selamanya kata kata tersebut.

2

KANDUNGAN

- Impian Gila Bermula di Sheffield 13
- Basikal Cabuk 17
- Khemah di Yorkshire 23
- Mana nak Cari Media massa? 31
- Soalan Terbakar 37
- London ke Paris 43
- Kota Cinta Paris 53
- Dua Perompak Turki 65
- Perangkap Tidur Albania 77
- Dikepung 5 Binatang Greece 85
- Austria Syurga Dunia 93
- Keluarga Angkat Slovenia 101
- Syiah Iran 109
- Basikal Rosak Croatia 119
- Bidadari Bosnia 127
- Padang Pasir Oman 137
- Skydive Dubai 145
- Hisham vs Penculik Turki 153
- Orang Bunian Turki 163
- Makan Ulat Thailand 175
- Rantai Putus Malaysia 185

"Aku lebih rela mengejar impian dari pukul 7 pagi hingga 10 malam setiap hari daripada kerja ofis orang dari 8 pagi hingga 5 petang sampai mati."

ÖZIL

"Berhenti bermimpi dan jadikan mimpi itu satu kenyataan!"

- Syafiq Aizat

IMPIAN GILA BERMULA DI SHEFFIELD

DEC 2012

Dingin pagi menerjah, suasana sunyi tanpa kicauan burung merpati. Bumi Sheffield hari ini putih diselimuti hujan salji dari langit. Anggaran suhu sekitar 3 di bawah paras beku. Aku terdampar di pembaringan, mengaduh sakit sisa dari kemalangan tujuh hari yang lepas. Igauan mimpi ngeri menjadi nyata. Basikal dua roda yang telah hancur lunyai nyata sekali turut merunas hati aku. Terlalu sukar untuk aku melupakan tragedi itu. Pengalaman dilanggar teksi ketika berbasikal dari rumah Broomhall menuju ke Ice Sheffield untuk meluncur ais menjadi parut yang dalam. Parutnya bukan pada jasad, tapi melekat erat pada emosi. Sejujurnya, aku sedar aku perlu gagah dalam menghadapi hari yang mendatang. Ya, mungkin bagi kalian kemalangan berbasikal adalah remeh, enteng saja. Tapi nyawa bukan milik kita, pemilik bisa sahaja menuntut hak-Nya, dan aku enggan bilamana masanya tiba aku masih dihantui dengan trauma yang sama.

Aku bingkas bangkit dari katil, bangun dari bayang-bayang menghitam dek tekanan darah rendah. Punat komputer ditekan. Selesai, larian tetikus rancak meramas laman sesawang. Hanya niat kosong pada mulanya. Entah mengapa hati berdetik, larian tetikus berubah rentak. Papan aksara ditekan membentuk kata-kata. DOKUMENTARI. Sedang kusyuk dan tawaduk, anak mata melirik pada satu tajuk. Dokumentari ringkas, tapi mampu menusuk hati kecil aku, "The Man Who Cycle The World." Lalu panah tetikus dihalakan pada tajuk itu.

Klik.

"One man, one bicycle, one world." Spontan dada aku berombak laju mendengar suara latar dokumentari itu.

"One reason, to break Guinness World Record," sambungnya.

Tubir bibir mengukir lengkungan yang bersahaja. Senyuman nakal berbaur gembira. Dari situ rancangan terbesar aku rangka dengan ligatnya. Pengalaman melancong lebih dari 20 negara, apa kata kita takluk dan jelajah pula. Individu itu berjaya mengelilingi dunia, empat benua, pelbagai bentuk muka dunia. Padang pasir, meredah salji, bermandikan hujan dan dibakar mentari. Cukup rencah, semuanya dia rasa. Renik peluh halus membasahi dahi. Kejantanan aku tercabar, inspirasi mula membakar. Kalau dia boleh, aku pun boleh!

Mengikut kira-kira ringkas, untuk memecah rekod dunia, aku perlu berbasikal sepanjang 150 km sehari dalam masa enam bulan. Ah, itu impian jangka masa panjang. Sekarang aku mengatur impian untuk pulang ke tanah air menggunakan jalan darat dengan kayuhan basikal dua roda. Jaraknya? Kiraan google maps 11,000 km. Okey, itu gila yang pertama. Yang kedua, trauma pada basikal. Jangan katakan mahu menunggang basikal, menuntun pun belum tentu aku mampu. Ketiga, celah mana pula aku nak cari khemah? Ke nak main pacak je? Keempat, larat ke aku nak berkayuh 11,000 km? Sedangkan tak sampai sejam aku main bola pun nafas dah macam orang semput tersampuk asma.

Garu kepala walaupun langsung tak rasa gatal.

"Peluang jarang datang dua kali, buat sekarang atau tidak."
- Nazri Arshad

BIBLIOTHÈQUE DE PLAGE



"Cita-cita dan impian biar setinggi langit.
Sekurang-kurangnya kalau jatuh tersangkut atas pokok."
- Ahmad Syamim

BASIKAL CABUK

Bianchi, Carrera, Specialized, Merida, Cinelli, Scott, sumpah aku langsung tak tahu jenama-jenama basikal yang termashyur di dunia ketika aku mendapat ilham untuk berbasikal pulang ke Malaysia. Apa yang aku tahu ialah basikal mempunyai satu tempat duduk, kiri kanan ada brek, dua tayar. Itu saja. Kalau pancit hantar je ke kedai Apek di tepi jalan Kampong Jawa ataupun jika di UK, hantar basikal ke Decathlon untuk tampal tayar yang bocor. Kalau rosak teruk terus hantar ke kedai besi buruk . Usah ditanya aku pandai ke tidak membaiki tayar pancit, buka tiub dalam tayar pun aku tak tahu prosesnya.

Aku mulakan proses mencari basikal di eBay yang merupakan satu laman web lelong dan amat terkenal di UK terutamanya untuk menjual barang baru ataupun second hand. Dalam fikiran aku ketika itu, terdapat 4 jenis basikal iaitu basikal BMX, basikal biasa, basikal lipat, dan basikal berbakul di depan yang makcik-makcik selalu bawa pergi pasar.

Dengan menggunakan ilmu Kejuruteraan Mekanikal yang diperturunkan oleh pensyarah orang putih dari University of Sheffield, aku menganalisa kesemua 4 jenis basikal dalam otak sepantas kilat. Basikal BMX dan basikal lipat mempunyai tayar yang kecil dan tidak mempunyai gear (bergantung pada jenis). Sudah pastinya kelajuan basikal ini seperti kura-kura merangkak di atas jalan raya. Jenis basikal yang makcik-makcik bawa pergi pasar pula pada mulanya aku sangat suka kerana mempunyai bakul depan segi empat bersaiz 10 liter dan mempunyai tempat duduk di belakang yang boleh digunakan untuk meletak beg. Rata-rata di Malaysia, kebiasaannya tempat duduk di belakang

basikal itu digunakan untuk membonceng. Namun, kekurangan besar pada basikal ini adalah berat yang melampau seperti anak gajah. Besi adalah faktor yang utama menjadikan basikal itu berat. Kekuatan kaki aku sudah pastinya tak mampu untuk berkayuh walaupun setakat 5 km dengan menggunakan basikal jenis berat begini. Analisa yang terakhir ialah basikal biasa. Ini agak pelik sikit. Basikal biasa ni selalunya murah dan mampu milik, tapi tak mustahil ada juga yang mahal hingga hampir sama dengan harga sebuah kereta. Ada yang ringan dan ada yang berat. Buntu aku nak buat pilihan.

Aku tak mampu menganalisis basikal biasa ni dengan baik. Ilmu basikal biasa ni tak menjangkau ilmu Kejuruteraan Mekanikal yang aku miliki. Satu cara yang tinggal untuk aku mencari jawapan ialah bertanya dengan Profesor Google. Aku menaip kata kunci 'type of bicycle' di dalam kotak mulut Profesor Google . Sesaat kemudian, Profesor Google memaparkan jawapan pelbagai jenis basikal.

Aku dapat rasakan ilmu di dada bertambah dengan mendadak selepas bertanyakan pada Profesor Google. Basikal yang sangat sesuai dengan perjalanan sejauh 11,000 km ini rupanya dikategorikan sebagai Touring Bike. Touring Bike ialah sejenis basikal yang direka khas untuk perjalanan jarak jauh. Ia tahan lasak dan mampu digunapakai untuk pelbagai jenis iklim dan suhu.

Seterusnya, ke tab Google Chrome yang baru. Aku membuka laman web eBay dan mencari 'Touring Bike.' Keterujaan pertambahan ilmu baru aku tadi bertukar menjadi hampa apabila melihat harga yang terpampang pada skrin laptop. Membuntang anak mata aku melihat harga basikal tersebut mencapai RM4000.

Ah, selamat tinggal basikal touring berjenama Dawes Galaxy! Tanpa melengahkan masa, aku pergi ke penempatan mahasiswa University Sheffield di Ranmoor. Di situ, mereka mengadakan satu sesi lelong basikal. Ini yang paling seronok. Kesemua basikal yang mereka hendak jual berharga 50 pound (Sekitar RM250). Tidak akan berubah walaupun Sheffield dilanda ribut salji setebal 1 meter. Tanpa berfikir panjang, aku capai dompet dalam kocek seluar pendek, ambil 5 helai 10 pound dan beri kepada penjual basikal itu. Senyuman lebar terukir di muka aku yang sangat comel sepanjang perjalanan pulang ke rumah dengan berbasikal terpakai berjenama buatan China jelas sekali bukan touring bike.

Basikal 50 pound (RM250) yang berjaya disambar ketika lelongan basikal di Sheffield. basikal ini ditukarkan menjadi basikal semi touring dengan meletakkan beg 20 liter di sisi belakang. Hayat basikal ini berakhir dengan sadis apabila dicuri penculik pakar di hadapan Gym Ponds Forge.

Inilah basikal yang aku gunakan daripada London ke Malaysia. Basikal ni walaupun saiznya agak besar tapi aku sangat menghargai kerana kawan Arab dari Abu Dhabi menghadiahkan untuk perjalanan yang jauh ini. Aku menggelarkan basikal ini 'My Baby'. Comel tak?

Ini basikal yang kedua aku miliki berharga RM500 dari kedai Decathlon. Aku rancang nak guna basikal ni pulang ke Malaysia namun tak kesampaian kerana basikal ini juga dicuri berhampiran taman perumahan Broomhall, Sheffield. Laluan latihan berhampiran dengan Stadium Manchester United.

Bermulanya pengembaraan merentas pergunungan Peak District bersama kawan-kawan yang mempunyai semangat melihat alam semula jadi. Rata-rata pemandangan dihiasi dengan rumput hijau yang tebal.

Di puncak Bukit Kinder Scout kami sempat mengambil gambar secara berkumpulan. Muka semua dah penat tapi mood ber' wefie' sentiasa ada.



"Banyakkan mendengar dari bertutur. Banyakkan membaca dari menulis. Dan kekal rendah diri."

- Matluthfi

KHEMAH DI YORKSHIRE

30 hari sebelum berperang dalam dewan peperiksaan Master Mekanikal, rumah aku telah bertukar tapak menjadi perpustakaan IC. Perpustakaan IC ialah perpustakaan yang paling terkenal di University of Sheffield. Nama pendek ialah IC. Dapur rumah aku dibiarkan usang, maka dapur di IC menjadi dapur ajaibku. Oh, ajaib juga kerana membuatkan kocek aku galak berlubang. Sarapan, makan tengah hari, dan makan malam, semua nafsu makan aku puaskan di IC. Makanya, bila waktu perut meraung minta di isi, Café IC yang terletak di tingkat satu menjadi tempat persinggahan wajib kerana di sana menyajikan makanan halal, dan terdapat kemudahan surau pula di tingkat empat.

Pada musim peperiksaan ini, hubungan aku dengan perpustakaan IC erat adalah kerana IC mengelakkan jodoh ku terlebih erat pada katil serta mengurangkan graviti ketiduranku. Yang paling penting, kelajuan internet di IC mencecah kelajuan 100 Mbps, yang sekiranya IC ini disumpah menjadi gua sekalipun, aku yakin aku mampu terus bertahan!

Bila terlalu lama menelaah buku, potensi untuk menerawang berangan akan mencapai tahap maksima. Kini tanpa sedar imaginasiku menerawang bermain ski di Poland, gelak ketawa aku galak dalam anganan di pantai Miami, Florida. Tak semena-mena imaginasi aku ditampar realiti bahawa aku masih dungu untuk memasang khemah. Ah, angan-angan memang percuma. Kepakaran hanya boleh dicapai dengan pengalaman dan 'hands-on'. Peak District, ya Peak District. Puteri Nur Suraya, salah seorang sahabatku, aku perlu bersemuka dengan gadis itu. Hayunan kaki aku panjangkan untuk ke tingkat empat

perpustakaan. Pelajar Jurusan Perundangan itu akan aku pujuk untuk bersama-sama aku menawan Peak District. Dalam hayunan langkah yang bersahaja, kepala mula memainkan wayang bayangan aku sedang mendaki, mengembara, dan meneroka Peak District. Keindahan semula jadi yang dipelihara di bumi England bersama empangan Lady Bower. Deruan air dari empangan dan pemandangan sekeliling mampu memukau mata siapa saja. Ah, aku berangan lagi. Padah penangan menghadap buku!

Dari jauh aku tengok seorang kawan aku ralit pada telaahannya. Hayunan langkah semakin yakin lalu aku melabuhkan punggung pada kerusi yang berhampiran. Dengan suara anak lelaki sejati aku melantunkan kata-kata.

"Der, kau tak rasa boring ke study bagai nak rak ni? Kan best kalau dapat hiking kat Peak District." Bersahaja ayat aku, tapi ikhlas mahu memancing Puteri.

"Ha' ah la weh, boring gila kot belajar Law ni, aku dah fed up, rasa macam nak bakar buku ni pun ada," omel si Puteri.

"Aku pun sama, mekanikal ini asyik-asyik tanya pasal enjin kereta, Carnot Cycle, bla bla bla. Nak tak pergi Peak District lepak 3 malam kat sana lepas exam ni?" Aku melemparkan joran berumpan.

"Bila? Bila? Aku on je!! Kau jangan main-main. Nanti last minute tak jadi pulak, memang siaplah kau!" Sergah Puteri.

Oh yeah, pancingan mengena! "Nice, jom ajak member-member lain sekali. Burn, Fakhrul, Hazeem, Mira, Hilmi. Ramai-ramai lagi gempak," cadang aku.

"Cun!!" Puteri excited.

Sebulan kemudian……..

Sudah dua hari cuti musim bunga berlalu, seperti yang dirancang aku, Puteri dan tiga rakan yang lain menunaikan janji yang lama sudah dipateri. Setiap seorang menyelam berlainan jurusan, tapi hari ini, misi kami sama. Sheffield kami tinggalkan, perjalanan berdestinasikan puncak pergunungan Kinder Scout.

Dengan berbekalkan khemah yang dipinjam dari rakan, alatan memasak yang baru dibeli dari eBay dan makanan yang dibeli dari Sainsbury seperti Roti, Croissant dan Biskut, aku sudah bersedia untuk menempuh 3 malam di bawah paras beku di pergunungan Peak District.

Jelas kegembiraan terpancar pada wajah masing-masing, semangat yang berkobar menambahkan lagi keyakinan diri untuk meneruskan pengembaraan walaupun sebenarnya ini kali pertama buat setiap orang, setelah empat tahun berhijrah ke Kota Sheffield. Sebaik tiba di kaki gunung Kinder Scout, kehadiran kami disambut dengan kicauan riang unggas mengalunkan irama alam yang merdu.

Butir jernih air mengalir tenang bersebelahan tapak perkhemahan kami. Nafas aku sedut dalam-dalam lalu aku hembus perlahan. Udara segar memenuhi ruang peparu, lantang mengosongkan fikiran dari kecelaruan selepas berhempas pulas dengan peperiksaan. Akhirnya, kekusutan aku terlerai.

"Yo Sham, kita nak pasang khemah atau mendaki Kinder Scout dulu ek?" Tanya Burn dengan loghat Johor nada hip hop.

"Aku rasa lagi best kita naik Kinder Scout dulu. Sebelah petang baru kita pasang khemah," aku memberi cadangan bernas kepada kawan-kawan.

"Habis tu kita nak bawa khemah ni pi naik gunung ka?" Celah Puteri dengan loghat Utara.

"Awat hang tetiba cakap utagha dengan aku?" Gurau aku.

"Kita letak barang khemah semua kat kawasan khemah di kaki bukit. Lepas itu kita pergi mendaki ringan dan buka khemah bila kita sampai sini balik," baru aku menjawab pertanyaan Puteri.

Gunung Kinder Scout berjaya kami tawan dalam masa empat jam dan turun semula dalam masa kurang daripada tiga jam. Tepat pukul 5 petang kami kembali ke tapak perkhemahan. Eddy mengajar aku memasang khemah dari proses yang pertama sehingga terakhir. Baru aku sedar betapa senang sebenarnya kerja-kerja memacak khemah. Yang paling penting ialah menggunakan logik, kayu khemah dipasang satu per satu lalu memasukkan kayu tersebut ke dalam slot yang disediakan pada kanvas khemah.

Sekiranya cuaca pada hari itu angin bertiup terlalu kuat, pacakkan besi pengukuh kepada semua penghujung kayu khemah. Kalau cuaca agak mendung dan ada kemungkinan untuk hujan, satu lagi lapisan kain perlu dibentangkan di atas khemah bagi menjadikan keseluruhan khemah itu kalis air.

Malamnya, suhu menjunam dan bayu dingin yang berhembus dari kawasan pergunungan membawa sekali salji kecil. Dengan suhu yang mencecah paras -3 darjah selsius, maka tidak hairanlah ais mula terbentuk di atas khemah. Rumput kini menjadi tajam

seperti pisau kerana beku dek kesejukan cuaca. Sangkaan aku meleset, kerisauan aku dalam menghadapi suhu bawah paras beku akan mengganggu lenaku, tapi sebaliknya, dengkuran aku berirama seperti biasa dan saling bersahutan dengan dengkuran Hilmi dan Hazeem. Manakala Puteri, Nadzirah, Mira, Eddy dan Burn berlari mencari perlindungan di dalam tandas yang bersuhu atas tahap beku.

Kami pulang ke Sheffield beberapa jam yang berikutnya dan aku sangat gembira kerana berjaya memperoleh ilmu memasang khemah.

Countdown 6 bulan untuk berbasikal dari London ke Malaysia.

"Tahu atau tak tahu memasang khemah itu cerita kedua, cerita pertama ialah berimpian besar. Selebihnya terpulang, sama ada mahu mempelajari ataupun kekal menjadi dungu."

Terukir senyuman manis selepas berjaya menawan Kinder Scout dan berjaya tiba di kawasan khemah. Gambar terakhir sebelum suhu menjunam di bawah paras beku. Senyuman manis bertukar menjadi kelat. Kegembiraan menjadi pengalaman hidup.

Inilah sifu yang mengajar aku memasang khemah daripada mula sampai akhir. Tanpa dia, mungkin aku akan dungu memasang khemah sampai ke sudah. Dengar khabar, Eddy ini mewakili bola sepak bagi University of Sheffield. Hebat!

Untuk mengisi masa lapang di pergunungan Peak District. Setiap orang melakukan pose ahli sukan yang hebat. Aku melakukan gaya Husain Bolt, Burn meniru gaya Sturridge, manakala Hilmi meniru aksi Suarez.

"Dan apabila anda fikir sesuatu perancangan itu mustahil,
itulah sehebat-hebat impian."
-Nurul Izzatie Amran

MANA NAK CARI MEDIA MASSA?

Sebagai insan kerdil yang belum ada apa-apa pencapaian yang mampu dipertontonkan pada dunia, layakkah aku meraih perhatian media? Mata dipejam, pelipis kepala aku urut perlahan. Berharap moga ilham menerpa untuk membantu aku mencari sumber media. Adakah mereka mahu percaya bahawa insan kerdil seperti aku ni cukup meyakinkan untuk berbasikal dua roda sampai ke Malaysia? Mungkin apabila ditanya apakah pencapaian berbasikal yang pernah aku ada, pengalaman berbasikal sejauh 60 km dari Sheffield hingga ke Manchester mampu membuatkan mereka terkesima? Atau cuma menjadi bahan ketawa semata sehingga kering gusi? Serabut, celaru. Soalan celaka mengasak minda.

Berbasikal ke Malaysia pada mulanya cuma rancangan gila, tapi kali ini, aku ingin menjadikan angan-angan gila ini menjadi nyata. Ya, ekspedisi aku tidak ditaja oleh mana-mana syarikat gergasi. Jadi, mana mungkin seluruh buana menyanjungi rancangan gila yang aku cuba lakukan ni. Mungkin orang gila saja akan mempercayai kata-kata aku yang ingin pulang ke tanah air sejauh 11,000 km berbekalkan RM8000 dan iman yang kuat Namun aku yakin, yang aku bisa tabur magis untuk menjadi luar biasa.

Empat belas hari, tempoh detik yang paling mencabar di mana akal aku pujuk, aku pupuk untuk curahkan idea. Tersangat perlu untuk aku tunjukkan pada mereka bahawa impian dan angan-angan adalah dua perkara yang berbeza. Pada masa yang sama, aku mundar-mandir di dalam Kota Sheffield dengan basikal yang dulunya aku tuntun kini aku menunggangnya sementara benak masih dipujuk untuk menghadiahkan aku ilham. Hendakkan

fikiran luar kotak, kemaskan dulu kotaknya. Bammm! Ilham yang cerdik mencurah ke dalam ladang gandum! Aku perlu meyakinkan media massa England. Jadikan kisah aku sebuah cerita dalam ruangan akhbar tempatan di England. Domino effect bro! Domino Effect ialah satu teori di mana satu peristiwa kecil akan menyebabkan satu peristiwa yang besar berlaku secara berterusan. Ikut percaturan otak Hobbit aku, jikalau satu ruangan akhbar tempatan England memaparkan kisah perjalanan basikal dari England ke Malaysia. Aku pasti ia mampu memberi Domino Effect yang hebat kepada media tempatan Malaysia.

Pulang ke rumah, on komputer. Jari ligat menari atas keyboard. Kurang dari satu jam tangkapan aku penuh. Emel wartawan-wartawan berjaya aku perolehi. 10 emel kepada wartawan dari akhbar terkenal di ENGLAND seperti CNN, BBC, Metro, The Star UK, The Independent, Al-Jazeera, dan Huffington Post. Harusnya masa yang berdetik jangan dibazir. Tarian jari pada papan keyboard mula menarikan joget yang berbeza. Keyboard bertukar menjadi kata, kata kusambung menjadi ayat. Aku karang seteliti mungkin dalam usaha untuk aku mendapat lamaran dari mereka. Untuk beberapa detik, karangan emel aku siap. Anak panah pantas dihalakan pada butang 'send'. Klik. Surat elektronik aku hantar secara pukal kepada semua wartawan dengan tajuk yang gah.

'Cycling from UK to Malaysia'
Tujuh hari berlalu……

Situasi aku kini sungguh sesuai kalau dimainkan bunyi cengkerik sebagai muzik latar. Hampa yang aku rasa selama tujuh hari. Perit. Terbukti kata-kata sang pujangga, penantian suatu penyeksaan. Daripada sepuluh emel, cuma dua yang mendapat balasan. Itupun

penolakan yang mentah-mentah atas alasan tukang warta sedang membuat liputan di luar negara, India. Sugul menyelinap segenap jiwa, raga kaku menahan rasa.

Tali pengharapan yang aku pegang kini hampir putus disiat kebuntuan, aku hanya berserah membayangkan impian aku hanya tinggal angan-angan. Namun, semuanya luruh bagai dedaunan gugur pada musim luruh pabila emel aku mendapat jawapan yang memberangsangkan. The Star UK memberikan respon positif dalam persuratannya. Beliau mengharapkan aku untuk menceritakan tentang rancanganku dengan lebih lanjut. Hampir sejam aku karang surat dengan penuh keriangan dan suratnya dilayangkan pada insan di sebelah sana. Detik yang mendebarkan, dan reaksi yang aku dapat sungguh tidak mengecewakan. Papan skrin menjadi saksi segalanya.

"Would you mind to give me your phone number, I would really happy to discuss with you further."

Bagai orang mengantuk disorongkan bantal. Lantas sepantas kilat aku membalas dan memberikan nombor telefon aku kepadanya. Kurang dari beberapa minit, deringan yang ditunggu kedengaran. Kami berbual kurang lebih 20 minit. Selesai perbualan, dia menjanjikan dalam kiraan tujuh hari lagi, kisah aku akan diabadikan dalam ruangan akhbar mereka.

Menunggu lagi, seksanya bukan kepalang. Maka, benarlah beliau menepati janji. Keratan akhbar sebesar separuh saiz kertas A4 bersama potretku terpampang megah pada muka surat ke-12 dalam akhbar The Star UK. Ceritaku mula tersebar di kalangan orang putih dan Malaysia, 'domino effect' mula melakukan tugasnya. Like dalam laman Facebook aku meningkat sepantas

kilat, hanya dalam tempoh dua pekan, media massa Malaysia mula memburu aku. Hah! Tujahan pertama memberikan impak yang luar biasa. Strategi di luar kotak berjaya! Aku terkenal dan semakin kacak! Perasan.

"Jika kita mahukan duit yang banyak, rumah yang besar ataupun kereta yang mahal, kita perlu berimpian besar, merasai dan berusaha bersungguh-sungguh ke arah itu."
– *Said Mohd Fazrul*

HOLLINGWOOD
Author to pen book about wartime

A Derbyshire author is penning a book about the impact of the First World War on the county to mark the 110th anniversary of the start of hostilities.
Scott Lomax, from Hollingwood, Chesterfield, is interested in hearing from residents with stories from relatives who lived in Derbyshire during the war.
Email sclomax2004@yahoo.co.uk with details.

COUNCIL
Authority up for an apprentice award

Derbyshire County Council has been shortlisted for the East Midlands final of the National Apprenticeship Awards 2014.
The authority has been nominated in the BT Micro Employer of the Year award for those who employ more than 5,000 people. The county council scheme has recruited 230 apprentices. The winners will be announced on September 2.

CHARITY: ENGINEER IN CHARITY MISSION

Student cycles to Malaysia

By Shaun Cole

While many are picked up by parents or take the train, one Sheffield student is planning a more adventurous trip home.

Badrul Hisham, who recently completed a masters degree in engineering at Sheffield University is preparing to cycle home – to Malaysia.
Badrul is tackling the 15,000km ride to Klang to raise awareness of homelessness.
According to the United Nations Commission on Human Rights, there are an estimated 100 million people living without shelter across the world.
And Badrul said he had been shocked at the number of people he had seen living rough in Sheffield since he arrived in the UK four years ago.
He said: "The richer are getting richer and the poorer are getting poorer. It happens across the globe and our mission is to be part of the solution."
Badrul – who will be joined by three friends – believes the journey will take at least six months as they 15 different countries and a range of climates and testing terrains, from the Turkish mountains to the Iranian desert.
He said the quartet are hoping to cover about 100km each day, camping each night.
He said: "At first me and my friend were just joking in the restaurant that it would be better for me to cycle back than to fly. Then we started to take the idea seriously. We thought it would be a unique experience."
Through this journey Badrul is raising funds for Homeless International, a UK-based charity set up in 1989.
■ To donate, visit www.justgiving.com/badrul-hisham-burhanuddin

Badrul Hisham is preparing to cycle 15,000km home to Malaysia

ster/ Shop
cts to you for less!
h Swarovski elements
r all occasions
CODE: DMJEW14

Keratan akhbar The Star UK di England yang menjadi titik permulaan bagi memberi inspirasi kepada seluruh rakyat England dan Malaysia

Kosmo!

NEGARA

Berbasikal dari UK ke Malaysia

Oleh MOHD. AFIQ ZULKIFLI
afiq.zulkifli@kosmo.com.my

BADRUL HISHAM bersama tiga orang rakannya dari Masai, Johor akan memulakan kayuhan sejauh 29,000 kilometer dari Sheffield, United Kingdom ke tanah air bermula pada hari ketiga Aidilfitri ini.

KUALA LUMPUR - Empat anak muda Malaysia yang mempunyai minat yang mendalam terhadap aktiviti berbasikal berhasrat mencipta sejarah dengan berkayuh dari Sheffield, United Kingdom (UK) ke Malaysia bermula pada hari ketiga Aidilfitri nanti.

Four Malaysians to pedal 29,000km for the Palestinians

Nation

Online exclusive: Malaysian students embark on "Journey to Homeland" on bikes

MASTURA YUSOFF

Keratan akhbar Malaysia yang memaparkan perjalanan Journey to Homeland. New Straits Times, Berita Harian, Kosmo dan The Star Malaysia.

Empat anak muda tekad kayuh basikal dari UK ke Malaysia

PUSAT PERKEMBANGAN UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

KENYATAAN TENDER

JABATAN LATIHAN KHIDMAT NEGARA

KENYATAAN TAMBAHAN : 16/2014

"Jangan jadi penakut, kayuh laju-laju atau balik ke rumah."
-Encik Tarek

SOALAN TERBAKAR

Soalan ini lagi berapi dari soalan yang aku perlu jawab di dewan peperiksaan untuk memperoleh Master dalam Kejuruteraan Mekanikal di University of Sheffield. Rata-rata semua orang akan bertanyakan soalan yang hampir sama.

1. Syarifuddin: "Sham, dari dulu aku tengok kau habiskan masa kat library. Kau pandai ke repair basikal? Repair tayar rosak atau rantai putus?"
   Aku : "Hahaha, menarik soalan kau tu bro. Aku baru belajar repair basikal bulan lepas (April 2014)."
   Syarifuddin: "Pergh, hebat kau sham."
   (Nota: Aku lupa beritahu Syariffuddin yang aku hanya belajar ikut Youtube je. Kalau suruh buat praktikal. Hampeh!)

2. Talhah: "Sham. Nanti masa kau berbasikal selama 6 bulan. Kau nak tidur kat mana?"
   Aku: "Aku tidur je kat mana-mana tempat yang sesuai seperti tepi hutan, dalam tandas, tepi pantai, tepi gunung, tepi tasik atau tepi rumah orang."
   (Nota: Aku sejujurnya jawab dengan nada confident tapi realitinya aku pun tak tahu macam mana aku nak tidur bersepah sedemikian.)

3. Khairul, Aimiza: "Sham kau dah training minum air kencing ke kalau sesat kat padang pasir? Aku tengok rancangan Man vs Wild akan ada tempat yang kau tak akan jumpa air melainkan air kencing kau sendiri."
   Aku: "Agak-agak la bro, aku belum sampai tahap tu lagi. Bahaya kot minum air kencing sendiri."

(Nota: Ada kemungkinan sebenarnya jika keadaan terlampau terdesak terutama di padang pasir.)

4. Yazid, Farrah , Suhana, dan Akmar: "Weyh Sham, nak tanya sikit, kau nanti bawa pancing, anak panah dan pisau untuk buru binatang liar ke?"
   Aku: "Aku bawak satu Swiss Army knife. Beruang pun boleh aku bunuh."
   (Nota: Senjata yang aku ada hanya Swiss Army knife. Nak bunuh semut pun susah.)

5. Puyi: "Kalau beruang serang kau, kau nak buat apa?"
   Aku: "Panjat pokok kot? Lari masuk air? Entah. Ke macam mana?"
   Puyi: "Hahaha, aku baru baca kat reddit. Kalau beruang serang kau, kau pura-pura mati 'play dead' ok. Jangan gerak seinci pun. Nanti dia makan kau."
   (Nota: Beruang menjadi musuh utama aku sebab binatang ini boleh lari lagi laju dari manusia.)

6. Muadz, Nasha: "Macam mana kalau kau sesat kat Perancis? Apa GPS kau untuk sampai ke Malaysia?"
   Aku: "Aku baru beli Peta Eropah dan kompas. Aku pun ada smartphone Samsung Galaxy S2 untuk pandu kalau sesat." (Nota: Jujurnya, aku tak pernah menggunakan peta kertas dalam hidup aku. Aku mempertaruhkan nyawa aku pada Galaxy S2 untuk membawa ke jalan yang benar.)

7. Sheila, Amon, dan Hasnan: "Macam mana kalau satu hari nanti salji ribut kuat sangat sampai tenggelam khemah kau? Macam mana kau nak gerak lepas tu?"
   Aku: "Kita rilek je sampai salji ribut tu reda. Lepas tu letak

basikal atas sledge dan tarik sampai ke bandar seterusnya." (Nota: Jawapan ini pun aku dapat melalui cerita-cerita Hollywood.)

8. Kawan-kawan: "Duit kau cukup tak? Ada berapa banyak?"
   Aku: "Ada RM8000 je bro. Secara logiknya duit ini akan habis kat Turkey. Macam mana ek?"
   Kawan kawan: "Lu rilek je bro. Kita tolong kau sikit."
   (Nota: Alhamdulillah ramai kawan-kawan membantu perjalanan yang mulia ini walaupun tiada syarikat besar yang menaja.)

9. Puteri : "Kau nanti mandi kat mana? Ke kau tak mandi?"
   Aku: "Kita kat Eropah bai, mandi seminggu sekali pun dah cukup. Hahaha!"
   (Nota: Realitinya, mungkin aku akan mandi kat tasik, pantai, paip air tepi restoran atau kat dalam kedai stesen minyak.)

10. Kawan-kawan: "Macam mana kalau kena rompak? Kau dah ready ke?"
    Aku: "Aku dah siapkan 3 kad debit dan setiap kad diletakkan di dalam beg yang berbeza. InsyaAllah aku dapat tahan 2 kali rompakan bersenjata."
    (Nota: Dalam perjalanan, aku dirompak sekali.)

11. Hilmi , Adam, dan Safwan: "Sham, aku bukan nak bagi pendapat negative. Cuma macam mana kalau kau mati di tengah jalan? Dah tulis wasiat ke?"
    Aku: "Hurmmm……." (sebelum sempat menjawab…)
    Hilmi: "Aku booking kau punya ironman."
    Safwan: "Aku nak kau punya 3D printer."
    Adam: "Aku nak kau dermakan otak genius kau pada aku, Sham."

Aku: "Aaaa…. Tak guna korang. Hahahha! InsyaAllah aku selamat."

12. Eddy : "Katakan waktu kau naik basikal tu tiba-tiba ada perempuan Bosnia suka kat kau, kau nak kahwin ke dengan dia?"
Aku: "Errr.. Aku rasa macam takkan kahwin dengan perempuan Bosnia tu kot. Sebab aku dah jumpa someone special kat negara 32 masa aku melancong dahulu."
Eddy: "32 negara mana tu weyh?"
Aku: "Rahsia la bro. Hahaha. Klunya ialah negara itu di Eropah."

Project
Vacatio

"Rahsia kejayaan ialah dengan langkahan kaki yang pertama."
- Mark Twain

LONDON KE PARIS

Ogos 2014.

Jumaat kali ni terlebih istimewa bagi aku kerana sejarah yang bakal terlakar dalam kamus hidupku bermula pada hari ini. Pagi itu, mentari musim panas memancar segak, suhu bermain dalam lingkungan 15 darjah. Jemari mulus mula merasa kaku dan kedua belah kaki beku terpacak dalam pada paksi bumi. Gemuruh ini aku tak pasti sama ada petanda baik atau sebaliknya. Namun aku tahu, yang pastinya impian aku bakal menjadi nyata.

Dari perut katil bertilam Mara House, Bayswater itu aku bangkit, meluru perlahan menuju bilik air. Menatap refleksi wajah sendiri dalam cermin. Benak mula bermain tarik tali dengan keputusan aku untuk pulang dengan jalan darat meluncur dengan dua roda. "Enam bulan aku akan naik basikal ni, biar betul?" Aku dah mula meragui pada diri sendiri. Tuala dicapai. Aku mandi buat kesekian kali, menggosok segala daki yang melekat pada susuk ini. Kerana aku sedar, peluang untuk mewangikan diri sungguh tipis sepanjang ekspedisi aku nanti. Setelah aku yakin aku bebas dari daki yang melekat, aku mulakan rutin sebelum solat. Lantas aku menyahut panggilan kejayaan dari Allah. Sujud terakhir, lama dahi mencium sejadah memohon restu pada Penentu Segala.

Aku periksa semua keperluan yang penting untuk sepanjang perjalanan aku. Pasport dan dompet berisi beberapa helai wang kertas aku selit pada beg pannier dan aku sandang pada bahagian hadapan sisi basikal. Pasport adalah item yang paling penting. Ini kerana pada pandangan mata kasar, aku mirip sekali dengan wajah Bangla. Jika pasport aku hilang, pertemukanlah aku dengan

pegawai imigresen yang buta Ya Tuhan.. Ha ha ha hambar~ Jarum jam menghala pada angka lapan. Jasadku kini berada di kafe Malaysian Hall juga ditemani Hafidz, Adeeb dan Azrul bagi sesi pelancaran misi berbasikal 'Journey to Homeland' dari UK ke Malaysia. Kesemua staf Education Malaysia di Embassy turut serta bersama kami untuk sarapan yang terakhir di UK.

"Ambillah makanan dan lauk yang kamu suka, lepas ini sepanjang 6 bulan tak ada Nasi Lemak." Seloroh Dr. Anizu.

Ringan sahaja langkahku meluru ke kaunter makanan yang menyajikan pelbagai jenis makanan Malaysia. Aku kagum dengan Malaysia Hall London ini sebab satu sahaja. Mereka menjual makanan Malaysia dengan harga yang sangat murah jika dibandingkan dengan warung lain.

"Dik, betul ke awak nak balik Malaysia naik basikal?" Sapa makcik kafe sambil dahi berkerut seribu.

"Ya, makcik. Saya akan berbasikal selama 6 bulan merentas 18 negara berbekalkan RM8k," itulah skrip yang aku ulang setiap kali orang bertanya tentang perjalanan aku.

"Makcik, saya nak nasi lemak boleh tak? Nasi lebih. Lauk ayam goreng, telur goreng dan sambal sotong. Air Milo tarik." Aku membisik kepada makcik kafe kerana selera aku sangat tinggi pagi buta ini. Segan juga kalau orang di sekitar terdengar kadar kuantiti makanan yang aku makan setiap hari.

Mengikut perkiraan, minima aku memerlukan 4000 kalori setiap hari sebagai keperluan tenaga bagi berbasikal 100km dengan basikal yang berat muatan 40kg. Sarapan pagi ni saja

dah mencecah 1200 kalori. Untuk perbandingan yang mudah difahami, manusia biasa hanya memerlukan 2000 kalori sehari untuk hidup dengan sihat. Jika mereka makan lebih daripada 2000 kalori, makanan itu akan dijadikan lemak dan terkumpul dalam saluran darah ataupun di bawah lapisan kulit. Aku ini pelik sedikit, sudah 4 bulan aku makan lebih 3000 kalori sehari namun badan masih kecil seperti Hobbit dan berat hanya 57kg.

"Kamu tak naik berat badan sebab metabolisma kamu tinggi," teringat kata-kata dari Doktor Hanim Aneem kepada aku 2 bulan lepas.

Dengan penuh selera sambil berbual dengan pekerja Education Malaysia yang diketuai Dr. Anizu, aku berjaya menghabiskan nasi lemak bersaiz gergasi bersama lauk yang ekstrem. Aku dapat rasakan perut aku lebih dari muatan yang sepatutnya. Selesai sarapan pagi yang terlampau enak, semua pekerja Education Malaysia dan pekerja kafe turun di hadapan pintu utama Malaysia Hall dan bersedia untuk melepaskan perjalanan kami secara rasmi. "Doktor Anizu ada kata-kata semangat untuk saya?" Aku bertanya kepada Dr. Anizu.

"Buat yang terbaik, jaga makanan, tidur cukup, jaga solat dan update kami," kata-kata yang terakhir dari doktor yang buat aku terharu.

Kota London, kota metropolitan gergasi terletak di selatan England yang menempatkan lebih 8 juta penduduk bersaiz 1500km per segi. 8 juta penduduk bermaksud kereta yang penuh di jalan-jalan sempit di seluruh kota gah ini aku tinggalkan dengan kayuhan pertama serentak dengan ucapan Bismillah. Kiri kanan panorama binaan zaman Victoria menemani aku sepanjang perjalanan, jalan

berselirat dan mengelirukan menyukarkan lagi keadaan untuk tembus keluar dari kota London. Akan tetapi, GPS, teknologi meruntuhkan kemegahan teka-teki Kota Victoria ini, jalan keluar berjaya aku temui. Dua jam kemudian, aku semakin menghampiri penghujung Kota London, Greenwich.

5 petang waktu England, sesudah 60 km perjalanan aku dapat rasakan kaki, tulang belakang, tangan dan juga otak aku semakin lesu. Kaki terutamanya hampir kejang akibat kehadiran laktik asid yang tinggi dan kekurangan garam dalam badan. Bak kata orang Malaysia, lemah sampai lutut terasa longgar. Aku mengajak Hafidz untuk berhenti dan bermalam di kawasan perkhemahan yang terdekat.

"Hafidz, bro. Aku rasa penat semacam la, jom kita pergi tapak perkhemahan yang terdekat," usulku.

"Ok," balasnya pendek.

Secara realitinya, aku bukan sahaja penat fizikal malah sudah berfikir untuk putus asa. Hari yang pertama aku tidak mencapai target 100 km dan badan telah menjadi sangat sakit. Perkataan putus asa berlegar dalam otak aku sepanjang malam. Ada lagi 5 bulan untuk aku berkayuh tanpa henti. Khemah yang berwarna hijau daun bersaiz 1 meter X 2 meter dibuka dengan berhati-hati dan dipacakkan 10 meter dari tetamu caravan yang lain. Alatan masak dipunggah juga dari beg pannier hitam bersama dengan ikan sardin tuna. Aku punya penat ini dah sampai tahap maksimum di mana aku lagi rela untuk tidur dengan perut yang kosong. Bukan setakat itu, aku juga perlu meniup tilam yang berwarna merah untuk menjadi empuk dan perlu membuka
'sleeping bag' dari kantungnya. Itu memerlukan tenaga juga.

Kepenatan aku kini melebihi tahap maksimum sehingga otak aku pun dah berfikir untuk menyerah kalah berjuta kali. Namun, aku gagahkan diri untuk memasak tuna dan makan beralaskan roti buku. Tidur dengan perut kosong selepas bersukan secara ekstrem mampu menjadikan badan lagi lesu dan penat secara tidak langsung keesokan harinya makin letih. Itulah pesanan yang aku sentiasa ingat dari Dr. Anizu. Selera makan hilang sepenuhnya apabila ikan tuna berperisa tomato menyentuh lidah aku.

"Pergh, 'sedap' gila menu malam ini," bisik hati aku sambil terbayang makanan yang sama aku akan jamah setiap malam sepanjang 6 bulan.

Kudrat terakhir aku gunakan untuk menghabiskan kunyahan. Perut kini penuh dengan makanan dan aku telah cukup syarat untuk tidur dengan aman kecuali satu lagi perkara yang perlu dilakukan iaitu solat jamak Maghrib dan Isyak. Air di tandas perkhemahan itu sangat sejuk seperti air di dalam peti sejuk Malaysia yang bersuhu sekitar 6 darjah. Kebas dibasahi air dingin, aku gagahkan juga untuk menunaikan solat jamak Maghrib dan Isyak. Menahan kegigilan sejuk menggagapkan bacaan aku dalam solat.

Selesai menunaikan ibadah wajib, aku berdoa seperti biasa dan secara tiba-tiba semangatku terus membakar. Mengenangkan bahawa tujuh hari lagi aku akan berlabuh di bandar Paris, kota cinta. Secara psikologi, aku memujuk hati. Agar lenaku tenang berbantalkan kedinginan malam.

"When you feel you want to give up because the dream is so hard, tell your self you wanna give up one week later, it will slowly increase your motivational level."



Kebanyakan bangunan di London berwarna seperti coklat karat. Mudah tersesat ekoran semua posisi dan arkitek bangunan kelihatan sama.

Hari pertama bersejarah. Perjalanan dari London ke Malaysia dirasmikan oleh Dr. Anizu dan staf-staf Education Malaysia di hadapan kedutaan.

Baru 2km berbasikal, rehat sebentar di atas London Bridge sambil melihat Tower Bridge.

Tidur di dalam hutan pada hari ke-13 di luar Kota Paris. Di tepi pokok dan sering dikacau oleh siput-siput yang menjilat kasut, basikal dan khemah.

Bas dua tingkat yang menjadi kebanggaan Kota London dan aku pula berbasikal menghalang jalan bas itu.

Singgah sebentar di salah satu gerai buah-buahan di kawasan pedalaman England ketika menuju ke Dover. Harga sebakul strawberi hanya RM5



"Hari esok mesti lebih baik dari hari ini."
- Onizuka Rizuan

KOTA CINTA PARIS

Kota England sudah menjauh ke belakang. Kini genap lima hari perjalanan, sempadan telah aku langkah dan kini aku berada di Kota Paris, kota cinta. Taktik psikologi yang aku guna semasa di England sedikit sebanyak telah meniup semangat dalam diri aku. Kayuhan aku sering kali disapa mesra 'bonjour' yang bermaksud 'hai' dalam bahasa kita. Perwatakan warga Perancis berbeza sekali dengan warga England. Kemesraan mereka membuatkan aku seperti berada di tanah air sendiri. Dengan kemahiran mereka berfesyen seolah-olah membuatkan aku berada di tepi pentas peragaan yang besar. Topi beret menjadi pilihan utama jejaka Perancis. Baju dan celana mereka gayakan sungguh mengujakan. Wanitanya pula lebih gemar mempamerkan rambut perang keemasan yang beralun lembut pabila ditiup sang angin. Tambahan pula, aku kagum dengan lantunan lunak merdu suara mereka, walaupun aku tidak memahami sepatah haram pertuturan mereka.

Sepanjang keberadaan aku di sana, aku cuma memahami dua ayat sahaja. "Comment allez vous" yang bermaksud apa khabar dalam bahasa Melayu, "Je vais bien" yang bermaksud saya sihat. Aku memulakan jejak di Kota Paris tepat pada hari ke-6 dalam pada pukul 12 tengah hari. Basikal kususur laju ke Champ de Mars, untuk aku menyaksikan dengan dua bebola mata aku sendiri kemegahan Eiffel Tower yang mereka canangkan. Secara jujurnya, Eiffel tower ini kelihatan seperti menara tiang pencawang elektrik TNB di Malaysia cuma saiz yang berlipat kali ganda besar. Aku ingatkan Eiffel Tower dah berkarat kerana berwarna coklat namun setelah aku selidik rupa-rupanya para jurutera mengecat warna coklat untuk mengharmonikan dengan warna bangunan Napoleon

yang lain. Bajuku lencun dibasahi hujan yang menyambut ketibaan aku kali ini.

Kami disambut oleh staf Malaysia Embassy di Paris seperti ibu menyambut anaknya pulang di pagi raya. Encik Awie yang merupakan salah seorang pekerja Jabatan Tourism Malaysia membawa kami ke restoran halal yang berdekatan. Encik Awie mengetahui aku dan Hafidz yang kebuluran makanan halal setelah 6 hari berturut-turut makan roti, pasta dan ikan tuna membelikan kami kebab ayam gergasi disajikan bersama daging kambing, french fries, sayur dan sos tomato. Harga menu tersebut 11 Euro bersamaan dengan RM44 yang sudah tentunya kami tidak mampu membeli dengan duit sendiri disebabkan hanya berbekalkan RM8000 sahaja untuk pulang ke Malaysia. Sedang asyik aku melahap, salah seorang staf kedutaan menyapa aku.

"I already set an appointment for you with Tan Sri Ismail Omar, our Embassador," Abdel namanya.

"That' s awesome, by the way, who exactly is Tan Sri Ismail Omar?" Tanyaku sambil menggaru kepala.

"He is your Ex Head Police (Bekas Ketua Polis Negara) last year, He really wants to meet you," balas Abdel dengan ringkas.

"Pergh, kentang gila, esok aku akan jumpa ketua polis negara walaupun aku baru kenal nama dia hari ini. Dia yang excited nak jumpa aku pula tu, perghhh," aku bermonolog dalaman berbangga sendiri bajet poyo.

Selepas makan tengah hari, aku pulang ke kediaman yang disediakan oleh pihak kedutaan. Aku tampar lembut pipi, kerana

masih tidak percaya bahawa esok salah seorang yang pernah berjawatan besar di Malaysia tertarik dengan impian aku ini. Menjelang paginya, sarapan belum sempat lagi aku jamah, Si Abdel yang berketurunan Algeria membawa aku dan Hafidz menaiki kereta Volkswagen Golf GTi berwarna hitam ke kedutaan pada pukul 10 pagi yang terletak di Jalan Rue Benouville. Perjumpaan dan perbincangan akan dimulakan pada pukul 10.30 pagi. Sampai di kedutaan Malaysia yang gah penuh dengan ukiran zaman Napoleon, aku kagum dengan seni bina rekaan dalam bangunan ini. Lampu chandelier yang besar menghiasi ruang utama di tengah-tengah pejabat kedutaan, tangga yang berpusing seperti dalam istana dapat kulihat. Aku duduk di ruang tamu sementara menunggu detik bersua muka dengan Tan Sri Ismail Omar. Kepala mencerna peristiwa yang bakal berlaku antara kami berdua. Dari perspektif aku, aku bayangkan perwatakan Ketua Polis Negara ini mungkin sedikit kurang mesra, misai tebal macam Wak Doyok. Galak dan mungkin sahaja lantunan suaranya menggerunkan seperti halilintar. Kecut perut pula aku mengenangkan umpama aku akan dibaham oleh sang singa.

"Okay, you can come in now," seorang wanita Perancis yang bekerja di kedutaan memanggil aku untuk masuk ke dalam bilik perbincangan kedutaan.

Air liur kutelan untuk menjernihkan vokal, malang, ianya tersekat di kerongkong. Celaka! Langkah kususun tertib. Ruangan pejabat dimasuki. Punggung berlabuh pada kerusi empuk berona coklat merah. Di hadapan aku terhidang 2 ketul roti croissant yang disaluti butter dan beberapa dessert manis yang mengiurkan seakan-akan memanggil untuk dijamah. Oleh kerana perut lapar merayu untuk diisi, roti croissant aku capai dan disumbat serta-merta ke dalam ruang mulut.

Bersama Bekas Ketua Polis Negara, Tan Sri Ismail Omar yang sangat sempoi, rendah diri dan bersemangat mengejar impian. Merasmikan perjalanan berbasikal kami di hadapan Eiffel Tower.

Eiffel Tower yang tersergam indah dibina pada tahun 1887. Warna coklat dari Eiffel tower itu bukan karat tapi warna cat coklat untuk mengharmonikan dengan alam.

Di atas Bridge of Love yang penuh dengan mangga tertulis nama pasangan-pasangan kekasih. Aku sedang terbayang untuk datang ke sini pada tahun 2016 untuk 'Honey Moon' bersama insan tercinta.

Lapar. Kami berhenti di tepi ladang gandum dan menyalakan api untuk memasak air Milo dan cicahkan dengan roti Baguette Perancis yang keras seperti kayu kriket. Jimat adalah kunci utama.

Bangunan Musee de Louvre yang penuh dengan konspirasi Illuminati dan aku pula boleh senyum lebar mengambil gambar selfie sebanyak mungkin. Di dalam bangunan itu terdapat lukisan paling terkenal di dunia, Mona Lisa.

Dabo, Perancis menawarkan pemandangan yang sungguh cantik. Walaupun berbukit curam, setiap kayuhan akan mengukir senyuman kepuasan berkayuh pulang ke Malaysia. Separuh rumah di kawasan ini menjejah usia lebih 50 tahun.

Kunyahan pertama terasa sungguh nikmatnya, maklumlah orang sedang lapar. Sedang asyik gigi-gigi meratah lumat makanan di dalam mulut, Tan Sri Ismail Omar tampil tanpa aku sedar. Dalam keadaan yang tergesa-gesa, sisa belum sempatku telan Tan Sri Ismail Omar menghulurkan tangan untuk bersalaman.

"Assalamualaikum. Apa khabar? Sihat?" Sapaan aku tidak jelas kedengaran dek kunyahan makanan dalam mulut. Gelabah aku dibuatnya.

"Waalaikumussalam, Alhamdulilllah saya sihat. Awak?" Balas Tan Sri pendek.

Dalam beberapa saat, aku berjaya menelan separuh lagi makanan di dalam mulut ke ruang esophagus dan mengambil sehela nafas yang panjang.

"Alhamdulillah sihat. Jauh saya berbasikal nak jumpa Tan Sri," aku berseloroh walaupun ini kali pertama bersemuka dengan orang yang bergelar Tan Sri. Tan Sri mengukir satu senyuman yang lebar dan kami memulakan perbincangan yang tidak formal.

Perbualan ini lebih kepada perbincangan antara seorang ayah yang begitu risaukan anaknya yang hendak melihat dunia. Persepsi aku sebelum ini mengenai Ketua Polis Negara meleset jauh sekali. Tan Sri Ismail Omar merupakan Pegawai Polis yang baik, lemah lembut, berwawasan tinggi, bersemangat dan serius melakukan sesuatu kerja sehingga siap. Banyak kata-kata semangat yang diberikan oleh Bekas Ketua Polis Negara kepada bekas pelajar UK, antaranya "Teruskan perjalanan walaupun susah", "Semua orang bermula dari tempat yang susah dan menuju ke tempat yang senang," dan yang paling epik ialah "Pada satu hari nanti

awak akan rasa nak menyerah daripada berbasikal, waktu itu, cuba meneruskan perjalanan hari demi hari."

Semangat aku semakin membara seperti minyak disimbah api untuk meneruskan perjalanan berbasikal ke Malaysia demi mengejar impian. 30 minit berlalu dengan pantas dan perbincangan kami tamat. Aku bergambar dengan Tan Sri Ismail Omar dan terus pulang ke kediaman di tengah-tengah bandar Paris bersama Abdel.

Di sebelah petang pada hari yang sama, Abdel mengajak aku menaiki kereta Golf GTi untuk melihat Eiffel Tower dengan lebih dekat. Aku dapat rasakan insan ini mempunyai satu cerita yang menarik ingin diceritakan kepada aku. Jarak di antara Eiffel Tower dengan kediaman kedutaan hanya 1km. Aku duduk di dalam kereta cuma 5 minit dan sudah tiba di hadapan Eiffel Tower. Di situ, Abdel memulakan perbualan dengan satu soalan yang mudah. "Do you know who build this Eiffel Tower?"

"Napoleon?" Aku meneka nama askar Perancis yang paling terkenal.

"His name was Gustave Eiffel," ringkas dan mudah balas Abdel. Kemudian, Abdel mula mengungkapkan sejarah Eiffel Tower. Pada zaman dahulu kala selepas pemergian General Napoleon, kesemua bangunan di Paris ini direka oleh orang arkitek dan artisan yang mempunyai imiginasi yang tinggi. Kebanyakan bangunan di Paris berketinggian 4 tingkat dan dibina dengan asas batu dan pasir bersama ukiran Eropah. Namun, satu kekurangan mereka ialah arkitek tidak mempunyai ilmu yang tinggi tentang struktur bangunan yang kuat. Pada suatu hari, seorang jurutera sivil yang bernama Gustave Eiffel memberi cadangan kepada kerajaan

Perancis untuk membina bangunan tertinggi di dunia bagi mengalahkan piramid di Mesir. Dalam kertas kerja yang di hantar oleh Gustave kepada kerajaan, bangunan itu akan dibina 100% dengan besi dan tidak akan mempunyai unsur batu atau pasir. Kesemua arkitek dan artisan di Perancis terkejut dengan cadangan tersebut dan menolak idea yang gila di atas dasar memburukkan imej arkitek Paris yang unik. Tidak pernah ada bangunan di dalam dunia ketika itu hanya dibina dengar besi sahaja. Pada pendapat arkitek Paris, bangunan yang akan dibina oleh Gustave itu akan menjadi bangunan paling hodoh dan akan memalukan imej Perancis.

Dengan semangat Renaissance yang masih ada dalam diri orang Perancis, Kerajaan Perancis meluluskan projek tersebut dan dalam masa 2 tahun bangunan tersebut lengkap dibina. Eiffel Tower itu dinamakan sempena nama keluarga Gustave Eiffel . Setelah pembangunan Eiffel Tower siap, bangunan ini menjadi simbol revolusi kejuruteraan kepada orang Perancis. Semakin ramai orang Perancis berani melakukan sesuatu yang luar biasa ekoran daripada pembinaan Eiffel Tower. Orang Perancis merupakan askar yang pertama menggunakan radio untuk berkomunikasi ketika perang. Orang Perancis mula menjajah negara lain untuk mencari lebih banyak tenaga buruh.

"Wow," aku kagum dengan semangat orang Perancis.
"But that was 100 years ago, now we where not risk takers and afraid to do new things," Abdel meluahkan perasaan.
Paris mengajar aku untuk lebih bersemangat dalam mencuba sesuatu yang baru dan radikal. Hanya dengan idea baru negara Malaysia mampu pergi jauh ke hadapan.

"When the road get tough, keep on going day by day."
-Tan Sri Ismail Omar, Bekas Ketua Polis Negara.

Langenau
Würzburg
Kempten
München



"Apa-apa yang terjadi dalam hidup ini, itu adalah anugerah yang indah."
-Hidayah Borhan

DUA PEROMPAK TURKI

"Mind Palace". Mind Palace adalah satu dimensi atau ruang yang direka oleh tuan empunya badan untuk membayangkan masa depan atau masa lampau dengan ilmu atau pengalaman yang pernah dilalui. Aku mempunyai ilmu Taekwando yang agak hebat sehingga tahap tali pinggang hitam. Aku pernah memenangi pingat perak di peringkat daerah. Sepakan terbang mampu aku lakukan dengan mudah kepada 2 perompak tersebut. Namun dalam situasi ini, satu pukulan tangan yang kuat kepada leher perompak A mampu menyesakkan saluran pernafasan lalu perompak tersebut akan jatuh. Berdasarkan Sains, minda manusia mampu memberi reaksi jika diberikan lebih daripada satu saat. Jika lebih 2 saat, perompak B mampu berfikir secara waras untuk menyerang aku dengan membabi buta.

Oleh itu, aku hanya mempunyai 1 saat yang genting untuk memberikan satu lagi pukulan tepat ke telinga perompak B. Ini akan menjadikan perompak B juga hilang arah dan juga jatuh ke tanah.

Mind Palace aku berfungsi pada tahap maksimum. Kini aku membayangkan situasi yang akan berlaku jika perompak A dan B tidak jatuh pengsan ke tanah. Mereka akan menyerang melulu kepada aku dengan tumbukan dan sepakan yang bertubi-tubi seperti Son Goku memberikan sepakan kepada Bezita. Ini tepi lebuh raya. Ada kemungkinan mereka akan memukul aku sampai lunyai dan campak ke tengah highway untuk digilis lori. Sungguh bahaya. Dua orang Eropah melawan seorang katik Asia. Ini adalah pertarungan yang berat sebelah. Potensi untuk aku tewas dan mati itu ada.

Lamunanku tersentak, bila beg pannier bahagian depan kanan sisi basikal dibuka oleh sang perompak. Dia membuka lipatan beg maka terdedahlah isi perutnya yang berharga. Malang sungguh nasib aku hari itu, kuletakkan 200 Euro dan 100 Turkish Lira tunai dalam satu dompet. Jika dijumlahkan mengikut pertukaran mata wang 2014 , jumlah 200 Euro dan 100 Turkish Lira bersamaan dengan RM1000. Tambahan, pasport, smartphone Samsung Galaxy S2 , telefon Motorola G dan juga kamera canggih Gopro juga dalam beg hitam yang sama. Benak seakan-akan pasrah bila menjangkakan aku bakal miskin untuk beberapa saat kemudian. Perompak A melihat telefon Motorola G dan dia mengangkat ke luar untuk melihat secara terperinci. Tiba-tiba, dia meletakkan kembali telefon tersebut ke dalam beg hitam dan masukkan tangannya ke dalam beg seolah-olah dia melihat sesuatu yang lebih berharga.

"Jangan la kau rembat dompet aku tu," luahku di bawah nafas. Tidak kusangka bisikan hati aku didengari perompak itu. Dia mengambil dompet yang sarat dan berat dengan wang. Pantas dia membuka dan tidak semena-mena pipinya terangkat. Jelas, tubir bibirnya sudah mencecah ke telinga, gembiranya dia bukan kepalang. Dia menunjukkan isi dompet kepada perompak B dan sekarang kedua-duanya tersenyum riang. Senyum seolah-olah mereka sudah mendapat durian runtuh dari langit, dan sejujurnya aku lebih rela durian runtuh sekarang, menimpa mereka dan meninggalkan aku dengan aman. Perompak A mengambil satu helai 100 Turkish Lira (RM150) dan Perompak B mengambil 50 Euro (RM200). Mereka memegang erat duit tersebut dan menatap mataku secara kejam. Mereka ingin mengambil duit yang lagi banyak.

Taktik 'Mind Palace' dari drama Sherlock Holmes tidak mungkin

dapat kulaksanakan, maka aku membuka lembaran drama Melayu pukul tujuh malam. Penuh dramatis bait-bait kata aku kemam. Lalu lantunan drama aku lakonkan.

"I' m going to Umrah, Mekah ,Madinah, why are you doing this?" Perompak A berpaling wajah ke arahku. Umpan mengena! Aku menerpa mereka lagi dengan ayat extra pedas.

"Astagfirullah, Subhanallah, I' m going to Umrah. Mekah, Madinah!"

*****

Dalam fikiranku, untuk menuju ke Mekah aku mempunyai 4 laluan pilihan. Laluan pertama ialah mengikut Syria. Laluan ini antara paling dahsyat kerana peperangan tiga segi sedang berlaku antara Assad-ISIS-Free Syrian Army. Beribu-ribu orang mati akibat peperangan ini setiap hari. Beratus ribu orang lari masuk ke Turki sebagai pelarian dan aku ini pula ada niat untuk masuk ke Syria dengan kenderaan yang paling mudah sekali untuk disabotaj dengan sniper iaitu Basikal Touring.

Laluan kedua ialah Iraq. Ini juga laluan yang sangat bahaya. Peperangan antara Sunni-Syiah sedang berlangsung dari 2001 sehingga kini (2014). Pihak Syiah Iraq terutamanya berdendam dengan orang Sunni kerana ketika pemerintahan Saddam Hussein sebelum 2001, pihak Sunni tidak membela dan memberikan keadilan. Mereka ditindas dan dibunuh kejam oleh kerajaan Sunni Saddam Hussein. Kini Syiah Iraq memerintah negara dan mereka membalas dendam terhadap orang Sunni yang tidak berdosa di Iraq. Aku ini ternyata orang Sunni yang berasal dari Malaysia. Sudah pasti jika aku berbasikal masuk ke Iraq. Aku

akan dipancung hidup-hidup disebabkan aku merupakan seorang Sunni.

Laluan ketiga ialah Iran. Ini negara Syiah dan berdasarkan penyelidikan aku, kebanyakan orang syiah di Iran sungguh baik dan mesra pelancong. Satu kekurangan besar melalui jalan Iran ialah jarak yang sungguh jauh merentas dua padang pasir yang sangat besar. Jalan ini akan mengambil masa dua bulan merentas padang pasir.

Laluan keempat ialah dengan melalui Mesir. Negara ini sudah dikira aman walaupun tiga tahun lalu berlaku tragedi beribu-ribu orang mati ketika ingin menegakkan keadilan demokrasi dengan menumbangkan Hosni Mubarak. Ekonomi masih tidak stabil dan rakyat semakin miskin ditindas Al-Sisi.

Pilihan yang bernas ialah dengan melalui negara Mesir. Kemungkinan aku akan keluar negara Mesir dengan nyawa masih di badan adalah paling tinggi sekiranya dibandingkan dengan negara lain. Lantas dari Ankara, aku ubah GPS di telefon Motorola G dari Iran bertukar menjadi Mesir. Secara teorinya aku akan tiba di Mekah kurang dari sepurnama berbasikal.

*****

Perompak B pula sedang ralit merodok isi perut beg pannier hitam di bahagian belakang. Di dalam beg tersebut mengandungi 5 helai baju, 3 helai seluar, 1 laptop Dell hijau dan 1 Tablet. Laptop dan tablet terletak di bawah beg dan dilindungi semua helaian pakaian. Perompak B menyelak satu persatu baju dan seluar. Hati aku tidak keruan dengan setiap helaian baju yang diangkatnya. Tepat pada helaian yang ketiga, perompak B mengaku kalah kerana

beranggapan beg tersebut penuh dengan barang murah.

Alhamdulillah.

Perompak B mahu pulang ke motosikal dan mengajak Perompak A. Mungkin dalam masa yang sama Tuhan campakkan keinsafan ke dalam hati perompak A. Perompak A memegang erat tangan perompak B dan menyuruhnya memulangkan 50 Euro. Kini drama Melayu terjadi antara Perompak A dan Perompak B di depan basikal aku. Yang berbezanya yang melakonkan bukan Melayu tapi Kurdistan.

Keadaan semakin janggal. Perompak B mula merajuk dengan kawannya yang menyuruh memulangkan duit yang dirompak kepada orang yang dirompak. Mungkin perkataan Mekah dan Madinah melembutkan hati mereka. Perompak B menggenggam erat wang di celah telapak tangannya. Raut wajah mukanya kelihatan bengang dengan kawannya yang berpihak kepada aku. Dengan pantas, aku mengambil 35 Turkish Lira (RM50) daripada dompet dan menghulurkan kepada perompak B sambil menjerit, "Give me back my 50 Euro money, I want to go to Umrah." Perompak B pasrah dan terima pertukaran duit 50 Euro (RM200) dengan 35 Turkish Lira (RM50) dengan raut wajah yang menyerah. Perompak A pula melakarkan satu senyuman yang lebar seperti gajah. "Tesekkur (Terima kasih)," ucapnya ringkas. Tujahan basikal aku kayuh perlahan meneruskan baki perjalanan yang terganggu selepas 50 km aku memulakan perjalanan. Ekspedisi kali ini aku berseorangan kerana berniat mahu menunaikan Umrah ke tanah suci. Hafidz pula melayarkan bahtera kayuhannya ke arah Iran.

Hatiku sedikit geli digaru peristiwa sebentar tadi. Lambaian mesra

dan ciuman yang hinggap ke pipi oleh dua jejaka Kurdistan yang merompak aku tadi sungguh tidak kusangka. Untuk sepuluh minit yang pertama, mereka merompak aku dan aku rasa merekalah insan yang paling celaka. Tetapi pada minit yang seterusnya, mereka mengajak aku duduk bersila, bertepuk bahu bagaikan sudah kenal lama, sekelip mata sudah menjadi sebulu. Masih tengiang raungan motor kapcai yang diselaput karat mereka semasa kami bertentang mata dan sesudah mereka berlalu pergi. Indahnya cara Tuhan mengajar, mengajar tentang lucunya dunia.

Laluan yang dirancang dari Turki ke Mekah melalui 2 negara yang sedang berperang iaitu Syria dan Iraq. Teroris ISIS sedang mengganas di kawasan ini. Akhirnya, Malaysia Embassy di Turki tidak membenarkan aku lalu kawasan ini kerana takut aku akan diculik dan dipancung.

Setelah lebih 30 hari penuh suka dan duka di Turki, hanya 32 km untuk masuk ke negara Iran. Pokok semakin berkurang dan pemandangan pasir seluas mata memandang.

Sedang menuju ke Adana. Tidur di ladang gandum dan sangat berharap anjing atau serigala tidak akan menyerang sebelah malam nanti.

Kubis on steroid. Aku cuba untuk mengangkatnya namun tak larat. Berat kubis sekitar 30 kg. Aku menggelar kubis tersebut kubis anak gajah.

Hampir tiba di bandar Cappadocia, kedai mahupun restoran susah untuk dilihat. Aku terpaksa makan makanan kecemasan sepanjang hari. Nasib baik bekalan air cukup bagi hari yang sukar. Betul pepatah melayu "sediakan payung sebelum hujan".

Cappadocia sebuah kota peninggalan zaman purba beribu tahun dahulu. Mereka mengukir batu untuk dijadikan rumah yang sangat cantik. Struktur bangunan disokong oleh arch batu yang beribu tahun lamanya. Sekarang dijadikan hostel/ hotel dengan harga RM100 satu malam.



Di bandar Goreme bersebelahan The Pigeons Valley, jalan tidak rata dan aku terpaksa menolak basikal ke atas puncak bukit. Arkitek bangunan di kawasan ini hampir sama seperti di Rome, Italy.

Kedutaan Malaysia di Turki banyak membantu terutama dalam perjalanan berbasikal sepanjang di Turki. Mereka sentiasa memantau perjalanan kami terutama berhampiran dengan kawasan perang.



"Waktu yang susah tidak berkekalan, orang yang kuat akan kekal."

-Mia Amira

PERANGKAP TIDUR ALBANIA

Dua hari sebelum kejadian…….

Aku dan Hafidz berbasikal memasuki Albania melalui Kota Macedonia. Negara Macedonia merupakan salah satu negara Europe Union yang agak maju dan kaya. Mercedes Benz, BMW dan Toyota mundar-mandir di segenap pelosok negara yang ini adalah suatu panorama yang biasa. Namun, sebaik sahaja aku merentas sempadan Macedonia dan memasuki Albania. Semuanya berubah sekelip mata.

"Weh, kau nampak tak apa yang aku nampak?" Aku bertanya kepada Hafidz sambil jari kutuding.

"Aku nampak Bad, pelik duh," Hafidz bersetuju.

"Orang naik Keldai bai!! Kita ni kat Eropah ke kat China?" Aku menyambung.

Ini sungguh luar biasa. Menunggang keldai untuk pergi ke kedai runcit, kuda digunakan untuk menarik kereta yang penuh sarat dengan pokok jagung. Orang kampung mengenakan pakaian zaman 70-an. Kereta yang terbaru di kampung tersebut pun aku kira terkenal dari zaman P. Ramlee. Yang lucunya, mata orang sekeliling memandang aku pelik, seolah-olah aku adalah badut sarkis yang bersiar-siar dengan kenderaan dua rodanya. Otak aku tidak mampu menghadam apa yang aku lihat di kampung itu.

"Do you know where is the cash machine (ATM)?" Aku bertanya kepada peniaga runcit di stesen minyak.

"City, city!" Peniaga itu menunjuk ke arah bandar Skoder. Daif sungguh negara ini, mesin ATM pun tak ada di kawasan sekitarnya. Semua kemudahan hanya di bandar. Aku tiba di bandar dan bertenggek semalam di situ untuk menyelesaikan beberapa masalah yang melanda. Masalah paling besar ialah perjalanan sejauh 300 km akan datang dan tak ada mesin ATM. Aku mengeluarkan 10,000 Albanian Lek bersamaan dengan RM300 di mesin ATM sambil berdoa kepada Allah duit ini akan cukup untuk menjamin nafsu makan aku yang lagi hebat dari beruang untuk jangka masa tiga hari yang mendatang.

Sehari sebelum kejadian…..

Pengembaraan berbasikal masuki sempadan pergunungan Albania. Pacakan gah sang gunung yang berlingkar pohonan hijau sekitarnya, redup memayungi bumi dengan dedaunan yang lebat, kilauan jernih mengalir di antara gunung-ganang membuatkan batinku tumbuhnya perasaan tenang. Kalau ikutkan hati, mahu sahaja aku membuang baju ketika itu lalu terjun ke dalam air, menyapa sang ikan. Desakan hati membawa aku terus terpaku di tepi jambatan, mengira seberapa dalam antara permukaan dengan dasarnya.

"Tinggi bai," hasrat berkubur di situ.

Lima jam berlalu dari jambatan dan tepat pada pukul lima petang, fikiran aku semakin kosong dan badan aku semakin lesu ekoran lapan jam berbasikal tanpa henti.

"Kan best kalau ada orang Albania sanggup bagi tempat tinggal malam ni," gumamku sendiri.

Ngam ngam 5 minit selepas itu, seorang anak kecil Albanian berkulit putih bersih berpakaian putih berumur lingkungan tujuh tahun memanggil aku dari jauh. Dia melambai manja dan aku membalas dengan penuh semangat. Kemudian, satu keluarga keluar dari rumah dan melambai kepada aku, menyeru untuk aku mendekat. Dengan pantas dan tanpa membuang masa, aku terus berbasikal menuju ke rumah kayu daif yang terletak di atas puncak gunung yang dikelilingi ayam dan lembu.

Dari mula suria terbenam sehingga bulan menampakkan jasadnya, aku dan Hafidz dijamu dengan santapan yang sungguh enak. Semua makanan yang dihidang adalah makanan tradisi Albania aku kira, kurang jelas dalam ingatan aku kini, kerana pada masa itu aku dan Hafidz sedang sibuk menjamu perut. Pada malam itu aku terasa sedikit bimbang sebenarnya. Aku pernah terbaca di suatu artikel ada satu kaum Eropah ini sanggup menyerahkan isterinya kepada tetamu untuk ditiduri sampai ke pagi. Jika mereka memberikan tawaran tersebut, bagaimana cara untuk aku menolak pelawaan yang sudah jelas sekali haram di sisi agama Islam?

Kelegaan di lubuk hati rupa-rupanya bimbang yang aku rasa cuma curiga kosong semata.

Hari kejadian.....

Kabus tebal mengelilingi kawasan pergunungan dan udara sejuk aku hirup sedut ke dalam paru-paru kecil ini. Mereka menyajikan kek dan makaroni sebagai sarapan pagi bersama kopi hitam yang pahit manis. Aku dan Hafidz bersiap dengan pantas untuk meneruskan perjalanan berbasikal. Sebelum bertolak, keluarga Albania itu bertanyakan satu soalan.

"Ada duit sedikit tak?"

Nampaknya semua layanan yang diberikan semalam bukannya percuma tapi berbayar. Aku sudah ditipu hidup-hidup. Aku ingatkan orang Albania ini ikhlas memberi bantuan. Rupa-rupanya mereka membantu dengan mengharapkan wang. Aku berikan RM50 dan berlalu pergi bersama sakit hati yang masih bersisa.

"Every word is Doa, so don' t be afraid to ask from Allah everything you want in your life"

Albania, rumah sangat usang dan old school namun hati tuan rumah sesuci kain putih. Mereka mengajak aku ke rumah mereka tatkala aku sudah penat berbasikal sepanjang hari. Hari yang sungguh bernasib baik.

Hafidz kelihatan sudah berumah tangga di Albania dan mempunyai anak yang berambut perang dan bermata biru. Teringin di hati Hafidz untuk menetap di Albania kerana kecantikan orang di sini namun atas desakan menghabiskan misi, Hafidz meneruskan perjalanan pulang ke Malaysia.

Makanan halal yang disajikan oleh tuan rumah. Daging kambing, fries, yogurt dan cili goreng. Aku terlampau kenyang sehingga susah untuk berdiri. Hendak bercakap pun menjadi satu cabaran. Mereka menyajikan makaroni pada keesokan harinya sebelum kami bertolak.

Di kawasan pedalaman Albania, sebelum Hafidz hendak melompat dari jambatan yang tinggi, aku bertanya kepada Hafidz "Bro, kalau apa-apa jadi kat kau, aku nak kau punya Basikal Cinelli boleh tak?" Air sungai yang sangat jernih mengalir dari kawasan pergunungan Albania.

Sebaik bangun pagi di hadapan rumah orang baik Albania, kawasan khemah kami dilitupi kabus yang tebal. Perjalanan berbasikal terpaksa ditunda 2 jam kerana jarak pandangan yang sangat pendek dan jalan yang licin. Safety first.



"Dunia ini jahat, kejam dan rawak,
tapi itulah yang menjadikannya pengalaman yang cantik."
-Nuzul Ismail

DIKEPUNG LIMA BINATANG GREECE

Tepat pukul 11 malam di satu ladang jagung di perkampungan Greece.....

Dada berombak kencang, degupan jantung galak mengepam. Dup dap.. Dup dap.. Dup dap.. 150 degupan dalam satu minit aku anggarkan. Kelenjar adrenal giat merembes hormon adrenaline. Suhu badan semakin menaik dan sympathetic nervous system bersedia 100% untuk masuk ke dalam fasa "fight or flight" berhadapan dengan binatang misteri ini.

Pada kecerahan simbahan cahaya purnama, kawasan perkhemahan aku ditadbir jajah oleh bayang-bayang binatang tersebut mundar-mandir bagaikan wayang kulit pada kain khemah aku. Derapan empat kaki berskala penuh serigala dewasa, menyebabkan bulu roma aku tegak berdiri. Puyi pernah berpesan kepada aku jika menghadapi situasi sebegini.

"Pura-pura mati adalah cara yang terbaik kalau kau berjumpa dengan beruang!"

Lantas, aku baring kaku, pura-pura mati untuk mengelakkan binatang tersebut tidak menyedari kehadiran aku. Hela hembus nafas bintang itu jelas kedengaran apabila beberapa ekor daripada mereka menghampiri khemah aku. Bunyi nafas binatang itu semakin kuat didengari. Setiap tindak-tanduk binatang itu menjadikan aku semakin panik dan fikiran tidak tentu arah.

"Binatang apakah itu?" Aku cuba meneka-neka.

Panik mencapai tahap maksima apabila aku terbayang kemungkinan beruang, babi hutan, anjing liar ataupun serigala menyerang aku. Jika itu babi hutan, binatang itu akan menyerang secara menyondol khemah aku seperti mesin rumput. Aku di dalam khemah secara pastinya akan mati dek pijakan maut babi itu. Jika itu serigala, sudah pasti binatang itu akan melahap daging dan tulang aku sampai licin. Jika itu beruang pula, walaupun aku lari sepantas Husain Bolt dan memanjat pokok laju seperti monyet, beruang lagi cekap dalam melakukan aktiviti lasak itu. Aku bakal dilapah dan dimakan hidup-hidup.

Kembali kepada realiti, binatang itu pergi 10 meter jauh dari khemah lalu mendekati peralatan masak yang aku biarkan bergelimpangan. Aku dengar secara jelas binatang itu sedang menjilat periuk pasta aku. Bunyi gigi mereka berlaga dengan periuk dan sudu serta kerakusan mereka mencampak semua yang ada di depan mata, sungguh menakutkan. Situasi bertambah tegang apabila aku terdengar empat binatang yang sama jenis menyertai aktiviti menjilat periuk pasta. Mungkin disebabkan lapar yang melampau, mereka bertelagah sesama sendiri tanpa sebarang bunyi salakan. Yang aku dengar ialah cakaran maut dan hentaman padu kaki binatang itu kepada sekutunya.

Drama pergaduhan binatang di luar khemah aku ini berlanjutan secara langsung selama 30 minit. Aku ini bukan setakat berpeluh malah sudah mengucap dua kalimah syahadah beribu kali jika nyawa aku ditakdirkan berakhir malam itu. Lidah aku secara automatik berzikir tanpa henti mengingat kepada Allah yang Maha Esa. Hanya Dia satu-satunya yang mampu memberikan perlindungan.

Senyap, bisu. Akhirnya binatang itu pergi. Aku toleh ke belakang

untuk melihat Hafidz sama ada dia sedang tidur nyenyak atau sedar drama yang berlaku tadi. Mata Hafidz terbeliak.

"Bro, binatang apa tu?" Aku bertanya kepada Hafidz.

"Sham, tu anjing liar sial," Hafidz menjawab dengan ringkas.

"Abis tu kita nak buat apa?" Aku tanya dengan ringkas.

"Kita tak ada pilihan melainkan tidur je dalam khemah ni," balas Hafidz.

Keesokan pagi aku dan Hafidz bangun awal dari kebiasaannya. Kejadian malam tadi masih lagi menghantui. Namun nasib dan takdir masih lagi menyebelahi kami. Masih lagi dipinjamkan nyawa pada hari ini. Malam itu aku belajar satu benda penting dalam kehidupan. Dalam hidup ini kita perlu analisis musuh kita terlebih dahulu sebelum membuat keputusan untuk lawan atau lari.

"In live or death situation, only Allah can save you."

Ladang jagung yang berhampiran dengan pekan Florina menyaksikan drama antara Hisham dengan 5 ekor anjing liar. Dengan berbekalkan senjata monopod GoPro, aku berpura-pura tidur untuk mengelakkan mereka menyerang secara membabi buta.



Jihad Bin Azimuddin baru tiba di stesyen bas Thessaloniki, Greece untuk menyertai perjalanan kami hingga ke Istanbul, Turki. Hafidz membantu memasang tayar basikal Jihad. Ini kali pertama Jihad akan berbasikal sejauh 500 km dalam masa 5 hari berturut-turut.

Membasuh baju di lautan Strymonian Gulf menuju ke Kavala, Greece. Sudah lebih dari 10 hari tidak membasuh baju. Bau baju dan badan

Inilah barang makanan yang dijilat dan digigit oleh 5 ekor anjing liar yang lapar. Nasib baik haiwan tersebut tidak menerkam aku kerana terlalu lapar. Aku tidak mahu sertukan mangkuk ini. Aku mahu membuangnya sahaja dengan harapan trauma pengalaman ini akan hilang.

Seronok sungguh apabila terjumpa Restoran Kebab yang halal di Komotini, Greece. Mereka merupakan orang Greece yang berketurunan Turki. Semua kelihatan terkejut apabila aku memberitahu aku sedang pulang ke Malaysia dengan satu basikal cabuk.

Spaghetti seafood yang dimasak oleh Chef Greece di persisiran pantai Greece. Harga 10 Euro (RM40) sepinggan. Di sebelah kiri merupakan seorang kawan yang berasal dari Perancis dan sedang berbasikal mengelilingi dunia dalam masa 2 tahun.

Komotini, Greece. Nasib baik terjumpa pakar membaiki basikal ini. Dia membaiki masalah ball-bearing yang haus dengan mudah dan aku kembali berbasikal dengan aman tanpa bunyi geseran besi dengan besi. Terima kasih tidak terhingga kerana membaiki dengan percuma.

Inilah kedai basikal yang dimiliki oleh pakar tersebut. Kedai yang kecil namun pemiliknya mempunyai jiwa besar yang baik dan pemurah. Kedai lain akan mengecaj sekurang-kurangnya 10 Euro (RM40) tapi dia memberi servis yang istimewa kepada aku dengan percuma.



"Berimpian besar, percaya dan usaha bersungguh-sungguh atau ia akan senantiasa menjadi mimpi dalam tidur saja!"

- Hanna Akmal

AUSTRIA SYURGA DUNIA

Sebanyak 42 negara yang aku lawati, tanahnya aku pijak, langitnya aku dongak dan udaranya aku sedut. Austria, satu-satunya negara yang tak perlu aku jejak takluk, sudah berjaya menambat hati. Kalau diberi pilihan antara perempuan cantik yang perawan dan Austria, aku tak teragak-agak untuk memilih Austria. Kecantikan Austria membuatkan aku terfikir, 'kalau Austria dah secantik ini, macam mana pula cantiknya syurga di sana nanti?'

Aliran jernih airnya turun dari pergunungan Alps. Sungainya bersih, ikan bebas berenang gembira. Awan columonimbus terapung rendah. Sambil kaki menujah pedal basikal, jemari ralit mencarit awanan. Halus sentuhannya membuatkan aku rasa aman. Sepertinya aku telah syahid semasa aku di Mesir dan kini aku di angkat Tuhan melayang bebas dalam ruangan syurgawi.

Pepohon Pine Christmas menghiasi lereng serta puncak pergunungannya. Dedaunan pohon yang tirus, melambai mesra tatkala menerima hembusan bayu dari segala ceruk dunia. Satu figura yang membuat aku terpana. Jambatan yang menghubungkan dua figura, diselimuti awan cumulonimbus, jambatan yang seolah terapung lurus menuju bahagia. Kayuhan aku sepanjang berada di Austria berwarna ceria dan bahagia. Kepingin meninggalkan dunia yang lain, dan hidup dalam buana Austria sahaja.

Aku dan Hafidz bersungguh-sungguh berbasikal menuju air terjun Bad Gastein. Airnya tampak hangat, tapi sebenarnya lebih sejuk daripada ais. Namun tidak sesekali aku menafikan, desiran air terjun sungguh mendamaikan. Ditambah lagi dengan hamparan

permaidani rerumput hijau, menyegarkan mata yang memandang. Di sini aku abadikan beberapa foto untuk aku kongsikan dengan kalian. Syurga dunia, aku mahu kongsikan kepada semua. Sesiapa saja. Bahagia yang aku mahu kongsi pada dunia. Bahkan sehingga kini, hanya dengan bayang imbas kembali pemandangan Austria, ia mampu menyamankan fikiran aku. Saat mentari terbenam, aku masih lagi memuja keindahan Austria, syurga yang mungkin Tuhan ciptakan di atas dunia untuk tatapan manusia yang sukakan alam seperti aku.

"Allah menjanjikan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, (akan beroleh) syurga-syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai; mereka kekal di dalamnya dan beroleh tempat-tempat yang baik di dalam "Syurga Adn" serta keredhaan dari Allah yang lebih besar kemuliaannya; (balasan) yang demikian itulah kejayaan yang besar."
[Surah At-Taubah: Ayat 72]

Bagi aku yang naif ini, Austria sudah hampir mirip dengan syurga. Tapi janji Allah lebih Maha Hebat. Sudah tertulis keadaan, pemandangan dan suasana syurga itu terlalu indah sehinggakan apa yang kita lihat atau bayangkan di dunia, tidak sama sekali menggapai walaupun sedikit akan kemewahan syurga. Subhanallah. Tetap aku syukur Ya Allah, kerana memberi aku ruang dan peluang merasa Firdausi dunia, Austria.

Masa mencemburui cinta aku terhadap Austria. Detik saat berlalu begitu pantas seandainya kita sedang jatuh cinta. Itu yang terjadi antara aku dan Austria. Kayuhan perlu aku teruskan, destinasi seterusnya aku hala. Walaupun jauh di sudut sanubari, perasaan menjeruk hiba umpama meninggalkan buah hati yang aku cinta. Selamat tinggal wahai kekasih, moga beroleh masa untuk kita

bertemu semula. Di mana kau menjadi milik aku satu-satunya.

"Life is wonderful the moment we set off from our comfort zone."



Salzburg, Austria. Aku terkagum dengan kejuruteraan orang Austria yang membina lebuh raya merentas bukit dan gunung yang sangat besar. Jelas, mereka mahir dalam membuat terowong untuk lebuh raya . Dalam gambar ni ada dua terowong. Salah satunya untuk pejalan kaki saja. Tak ke gila canggih?

Sempadan Germany-Austria. Dipisahkan hanya dengan jalan tanpa sebarang imigresen. Perjalanan menuju ke Salzburg.

Keluarga Germany yang memberi kami tempat tinggal di bandar Petting. Aku terjumpa lelaki ini secara tak sengaja depan kedai runcit. Lepas berbual-bual sekejap, dia terus ajak kami ke rumahnya yang sangat besar.

Menuju ke Bad Gastein, Austria. Air sungai yang jernih mengalir turun dari pergunungan Alps. Lorong basikal sepanjang 100 km disediakan bagi keselamatan pengguna basikal. Orang Austria memang suka berbasikal.

Golling, Austria. Pemandangan cantik ketika bangun tidur di waktu pagi melihat Alps. Rata-rata pemandangan di Austria kelihatan sebegini. Cuaca pada waktu malam pula jatuh sehingga lima darjah selsius.

Werfen, Austria. Untuk mengelakkan rasa bosan, aku dan Hafidz suka berlumba secara berhemah sambil diiringi pemandangan gunung-ganang yang memukau mata. Skill Hafidz berbasikal memang bedebah, aku menang sekali je berlumba dengan dia.



Mallnitz, Austria. Celik mata bangun pagi dan terus melihat keindahan alam di tepi sungai yang jernih seperti ini. Hati punyalah gembira sampai aku rasa nak hantar sejambak bunga ke setiap rumah di Malaysia.

Air terjun di Bad Gastein, Austria yang sejuk gila. Aku plan nak mandi dekat sini, tapi disebabkan air sejuk gila, aku celup-celup kaki je gamaknya. Kami masak pasta sambil berlatarkan bunyi air terjun tanpa ikan.

Antara terowong hebat yang dibina oleh jurutera Austria berjaya memendekkan tempoh perjalanan yang jauh menjadi singkat. Perkara yang paling aku risau ketika berbasikal di negara ni ialah tanah runtuh. Semua gunung nampak macam tak stabil.



"Seseorang yang tidak pernah melakukan kesilapan
tidak pernah mencuba sesuatu yang baru."
-Albert Einstein

KELUARGA ANGKAT SLOVENIA

Sudahlah jatuh ditimpa tangga pula. Itulah yang berlaku ke atas diri aku yang katik ini di Slovenia. Ketika menuju ke Croatia dari bandar utama Slovenia iaitu Lljublana, 50 km dalam perjalanan tayar Scwalbe Touring basikal aku bocor. Kebetulan nasib aku baik, shopping mall berada betul-betul di seberang jalan ketika tragedi berlaku. Aku pergi ke tempat letak kereta yang lengang dan mulakan proses membaiki basikal. Masa aku sedang buka tayar untuk menampal tiub, aku terperasan satu masalah yang lain iaitu satu jejari rim belakang patah terbelah dua dan perlu digantikan dengan serta-merta.

Aku buka toolbox yang penuh dengan peralatan basikal. Ternyata hampa sekali apabila peralatan aku tak lengkap untuk membuka 'spoke'. Terus rasa marah kepada diri sendiri. Tiba-tiba seorang lelaki Slovenia berumur lingkungan 30an bersama keluarganya datang menghampiri dan menyapa.

"Where are you from?"

"I'm from Malaysia. Cycling from UK to Malaysia," aku membaca skrip biasa setiap kali orang bertanya.

"How long?" Brader itu lontar soalan pendek.

"Maybe about six months, we are in our first month," aku balas sependek mungkin.

Kemudian brader tu berlalu pergi masuk shopping mall tanpa celoteh panjang. 10 minit kemudian aku masih sedang membaiki

basikal. Brader Slovenia tadi secara tiba-tiba muncul semula menghulurkan dua bar coklat berjenama seakan-akan Cadbury. Dengan wajah gembira seperti kanak-kanak yang dihulur gula-gula, aku menyambut pemberian lelaki itu dengan senyuman. Aku ini orang Malaysia sejati yang suka barangan percuma. Brader Slovenia itu nak pulang ke rumahnya dan aku ucap 'Thank You' sambil lambai-lambai tangan tanda pertemuan mungkin berakhir di situ.

Hafidz pula pasrah terpaksa bawa tayar belakang basikal aku pergi ke kedai basikal yang terdekat sebab kami tak mempunyai daya upaya dan kreativiti lain bagi menyelesaikan masalah spoke ini. 30 minit berlalu dan satu keajaiban berlaku, Hafidz pulang dari kedai basikal dengan selamat dan brader Slovenia yang dah balik setengah jam tadi muncul semula tanpa keluarganya. Tanpa banyak songeh dia mengeluarkan bait-bait manis yang aku ingat sampai ke bila-bila.

"My wife want me to ask you guys. Do you have a place to stay tonight?" Lelaki budiman itu bertanya ringkas.
Aku tahu soalan ni bukan soalan yang mudah untuk dijawab dengan bersahaja kerana ayatnya penuh dengan isi tersurat
dan tersirat. Aku perlu menggunakan otak kejuruteraan aku memberikan jawapan. Aku cuba menyusun ayat dan menukarkan semua isi-isi tersirat menjadi tersurat.

"My wife invite you guys to stay at our house tonight."

"Sure, lets go."

Pada malam itu, mereka menyajikan makanan vegetarian Slovenia yang tersangat enak dan lazat sehingga perut aku maju ke depan

dengan makanan-makanan berkhasiat vitamin dan mineral. Perut yang kenyang dan kepenatan memangkin tidur aku yang lena pada malam yang kaya bintang itu. Tanpa bermalam di rumah mereka aku mungkin tidak akan memahami budaya dan adat orang Slovenia.

"I always believe after rain and thunderstorm, there will always be a rainbow."

Hari yang paling seksa. Gunung curam sehingga 12 degree sepanjang 10 km di Loiblital Pass sempadan antara Austria-Slovenia. Di tempat tertentu, aku terpaksa menolak basikal sejauh 2 km kerana terlalu curam.

Sempadan Austria-Slovenia. Yeah! Berjaya merentas Loiblital Pass yang curam maut penuh dengan gaung. Menuju ke bandar Ljublana, Slovenia. Ditemani hujan yang lebat tambah sejuk sehingga kebas kaki, tangan, pipi, telinga dan perut.

Ada hikmah disebalik tragedi basikal rosak depan shopping mall berdekatan pekan Logatec, Slovenia. Keluarga keturunan Slovenes ini memberi kami tempat bermalam dan menyediakan makanan vegetarian yang sungguh lazat.

Seni bina rumah yang agak unik. Rumah ini dibina dengan menggunakan pokok Pine dan disusun seperti lego. Kelebihan rumah ini ialah elektrik dapat jimat dengan banyak kerana mempunyai penebat haba semula jadi.

Aku sangat terhutang budi atas bantuan yang diberikan oleh keluarga Slovenia ini. Gambar ini diambil beberapa minit sebelum aku memulakan perjalanan menuju ke Croatia.

"Hidup ini singkat, kejarlah impian untuk ceritakan pengalaman pada cucu cicit anda."
-Hisham

SYIAH IRAN

Tubuh aku yang sememangnya kecil terasa semakin kecil apabila dikelilingi jejaka-jejaka bertubuh besar di samping bebola mata mereka seolah-olah menatap tembus ke arah aku. Tetapi, apa yang lebih menggerunkan adalah di depan aku ada seorang pegawai tentera bersenjata di bahu sedang menyoal siasat aku. Peluh aku seka dengan kura tangan akan tetapi ada rembesan peluh yang degil sempat mengalir ke sisi wajah hingga mencecah dagu. Darah dalam tubuh aku rasa semuanya turun mematuhi graviti. Pucat lesi. Dalam hati aku mengucap syahadah berkali-kali. Redha kalau-kalau aku akan syahid di sini.

*****

Negara Iran ini sungguh berbeza jika dibandingkan dengan negara Malaysia. Padang pasir merangkumi 90% daripada geografi negara timur tengah ini dan kebanyakan pokok pula hanya terdiri daripada pokok yang mampu menahan suhu ekstrem musim panas yang mencecah 50 degree dan suhu ekstrem musim sejuk di bawah paras beku. Mereka yang mendiami negara ini kebanyakannya berkulit kuning langsat, sawo matang dan tinggi seperti orang Eropah. Mereka berpegang kuat kepada ajaran Syiah. Orang Iran aku rasakan antara kaum yang paling baik aku pernah jumpa.

Namun keberanian aku direnggut dan sangkaan baik aku pada mereka mula tercalar apabila pegawai tentera mereka menyoal siasat aku dengan wajah yang beriak serius. Kecut perut aku semasa di dalam pejabat sempadan Iran-Turkey di bandar Bazargan. Aku diajukan soalan maut.

"Are you syiah or sunni?"

Gementar, kalut memperoleh soalan sebegitu. Sel-sel minda berputar belit mahu menyusun ayat yang dapat menyelamatkan nyawa. Air liur yang ditelan seolah-olah tersekat di kerongkong.

"I am Muslim, I don't know what is Syiah or Sunni," aku jawab dengan penuh yakin.

Pegawai itu seakan tidak berpuas hati. Dahi berkerut seribu. Lipatan dahi diselang dengan pandangan yang mencerun. Bebola mata pegawai di sekeliling juga aku dapat rasakan mereka juga menuntut jawapan sebenar dari aku. Diri rasa terbakar oleh pandangan tersebut. Lalu soalan yang seterusnya dikemukan.

"Do you believe in Saidina Ali or Saidina Umar?" Ringkas, tapi sudah cukup meledakkan bom dadah adrenaline aku. Aku berserah, mencari, mengolah jawapan seadanya.

"I believe in both, Saidina Ali and Saidina Umar are good people," aku menjawab dengan nada perlahan. Hampir berbisik. Di kala itu, wayang kejam berlegar-legar dalam kepala aku. Di situ aku berdiri kaku, menyaksikan isi kepala terburai bersepai memenuhi lantai. Peluru menembusi kepala yang ditembak pada jarak dekat. Mata terbeliak dek kerana menahan sakit yang tak terhingga. Sehinggalah malaikat maut menjalankan tugas ke atas ku.

Pegawai tinggi lampai itu kelihatan agak buntu dengan jawapan yang aku berikan. Ini kerana orang Syiah diajar bahawa Saidina Ali yang sepatutnya menjadi khalifah pertama selepas kewafatan baginda bukan Saidina Abu Bakar ataupun Saidina Omar.

Soalan seterusnya ini menjadikan situasi lebih kritikal dan bakal men 'checkmate' kan aku. Noktah kehidupan aku mungkin berakhir dengan bait-bait soalan ini selain jerkah makian mereka nanti.
"How do you pray?" Sambil membuat gaya solat Syiah dan solat Sunni.

Aku pasrah. Dengan teragak-agak aku menggayakan cara solat yang aku lakukan seharian sambil ekor mataku melirik pada senapang yang tergalas dibahunya. Aku membayangkan, beberapa saat kemudian, mata senapang itu diacukan ke arah aku. Syahadah sudah siap-siap aku ucap dalam decibel yang cuma didengari Tuhan sahaja.

"Oh, so you are Sunni," ucapnya bersahaja.

Aku hairan bin ajaib. Aku mengamati anak matanya. Ditenung aku dalam-dalam mencari gelora yang mungkin tersimpan.
Tapi malang, kedamaian yang aku jumpa. Tiada langsung riang bengang atau marah dalam jendela matanya. Cuma senyuman diukir di bibir tanpa aku sempat membalas lengkungan yang samar-samar maksudnya. Aku palingkan wajah ke kiri dan ke kanan, menganalisis reaksi pegawai yang lain. Hampa, reaksi mereka cukup bersahaja. Semuanya kelihatan tenang mendengar perkataan Sunni seolah-olah satu perkataan biasa. Waktu itu aku sedar, Syiah di Iran tidak mempunyai masalah dengan orang Sunni kerana perang Syiah-Sunni pada tahun 90an merupakan sejarah hitam yang mereka tidak ingin mereka bangkitkan lagi. Mereka ingin bergerak maju ke hadapan dan lupakan sejarah silam.

*****

Di dalam sebuah rumah orang Iran yang baru dikenali di Bandar Abbas yang berlokasikan tepi pantai, aku dan Hafidz diberikan penghormatan khas sebagai tetamu dan dilayan seperti Raja-Raja Tanah Melayu. Seperti biasa mereka akan memasak makanan tradisi mereka iaitu nasi ala Beriyani Ayam yang dimakan bersama kuah butter seperti butter buat kek Hari Raya. Sambil menikmati makanan yang agak luar biasa sedapnya bersama air yogurt yang masam, mereka secara berkumpulan akan bertanya satu soalan yang sangat sensitif bagi aku sebagai orang Melayu.

"How many woman you have sleep with?"

Mulut aku yang sarat dengan makanan dan air yogurt hampir tersembur semuanya mendengarkan soalan sebegitu. Terkesima, terkejut dan sungguh aku tidak menyangka soalan sedemikian akan meluncur laju keluar dari mulut seorang berbangsa Iran. Soalan sensitif yang mungkin boleh dikategorikan sebagai taboo, lebih-lebih dengan anak jati Kampung Jawa, Klang seperti aku. Adat dan adab Melayu masih utuh dalam diri aku. Wajah aku berubah riak, air muka menjadi keruh. Marah yang tak mungkin aku tahan-tahan sudah.

"It is HARAM in Islam, we can' t do it," Hafidz mencelah dengan pantas.

"I know it' s HARAM, but you must have girlfriend," mamat Syiah Iran membidas Hafidz sambil senyum sinis.

"Yes I have a girlfriend, but I will do it after we got married, not before!" Hafidz membalas panjang.

"Then how do you release your stress?" Mamat syiah enggan

mengaku kalah.

"I did not stress, I am happy!" Jawapan Hafidz berjaya membisukan mereka.

Mamat Syiah itu kemudiannya kelihatan berpuas hati dengan jawapan Hafidz kerana beranggapan Hafidz hampir sama tahap keimanannya dengan imam-imam Muslim. Tidak ada lagi soalan yang maut ditujukan kepada Hafidz selepas itu. Aku pula yang menjadi mangsa soalan yang selebihnya.

"Never regret, never upset, never turning back." -Benz Ali

Berbasikal merentas Bandar Abbas, Iran pada suhu sekitar 35 darjah. Tiada awan yang memberi perlindungan apatah lagi hujan. Kelembapan yang tinggi dari bayu laut menjadikan berbasikal lebih mencabar.

Bermalam di tepi pantai Bandar Abbas. Ramai orang Iran melihat kami sebagai 'Alien' kerana terkejut dengan kehadiran Malaysia di negara mereka. Tengah hari merupakan waktu yang paling tidak sesuai untuk berada di dalam khemah kerana kepanasan yang melampau.

Orang Iran yang sangat friendly dan mengajak kami untuk masak lunch bersama-sama di tepi pantai.
Mereka tanggung kesemua kos makanan dan minuman. Jimat!!

Lelaki Iran bersebelahan aku ini menyertai program Khidmat Negara. Dia agak bosan menunggu bas dan mula menyanyi seorang diri. Friendly dan suka membantu orang adalah hobi beliau katanya.

Pemandangan matahari terbenam di Iran sungguh mengujakan. Udara yang sejuk menghembus dari darat ke laut. Muka agak sakit dan kecewa kerana badan keracunan makanan ekoran minum air dari sumber yang kotor.

Kawan berbasikal di Iran belanja aku dan Hafidz ayam bakar di pergunungan Bandar Abbas. Mereka juga belanja kami untuk masuk ke kolam air panas yang berbau agak pelik dan hangit.

Beberapa jam sebelum memulakan perjalanan dari Bandar Abbas, Iran menuju ke Dubai, kawan berbasikal Iran membantu dan memberi sokongan yang kuat kepada kami untuk meneruskan perjalanan yang hebat ini. Kesemua mereka sudah berumur lebih 35 tahun.



"Kau akan mencari seribu satu jawapan untuk berjaya atau kau akan mencari satu jawapan sahaja untuk menyerah kalah."

-Nunu Aziz

BASIKAL ROSAK CROATIA

Tiupan bayu beralun deras seakan taufan mula reda tepat pada pukul 9 pagi dan aku mula bersiap sedia untuk memulakan kayuhan. Suhu sederhana bermain sekitar 23 darjah selsius dan cuaca agak mendung dengan kadar kelembapan udara agak tinggi. Malam sebelumnya, khemah hijau kami ditiup dan hampir diangkat masuk ke dalam gaung sedalam 100 meter. Kami sempat mengheret khemah kami yang penuh dengan barang-barang berharga masuk ke ruang tempat tunggu bas di atas puncak bukit. Aku bersyukur kepada Allah kerana dipanjangkan lagi nyawa untuk mengejar impian ini.

Hari ini aku memasang niat untuk berbasikal sejauh 150 km menuju ke Zadar kerana tak tahan dengan negara Croatia ini. Aku mahu keluar secepat mungkin. Bukan apa, walaupun pemandangan Croatia ini sangat cantik dan laut jernih seperti permata biru yang berkilauan tapi makanan halal memang cukup sukar untuk dicari. Malah, babi golek bersepah-sepah terdampar atas pembakaran hampir di setiap depan restoran di Croatia. Mencabar iman sungguh. Baunya lebih lazat dan mengiurkan jika dibandingkan dengan ayam golek Malaysia. Makanan vegetarian di restoran kampung Croatia pula dijual dengan harga yang melampaui batas bajet aku iaitu sebiji pizza berukuran 10 inci berharga RM30. Aku dan Hafidz pula mempunyai selera seperti unta yang kelaparan. Sudah tentu dua pizza 10 inci bersalutkan keju, tuna dan seafood kami mampu balun dalam sekelip mata.

Sepanjang 3 jam perjalanan pagi itu kami berbasikal menongkah arah angin. Selalunya aku berbasikal di belakang Hafidz. Dan yang lucunya pada hari itu, deruan angin menghembus laju

dari penjuru depan dan sisi menyebabkan basikal Cinelli Hafidz hilang kawalan. Terhoyong-hayang kawan aku yang seorang itu mengemudi basikalnya. Lagak Hafidz pada ketika itu mirip sekali dengan gaya seorang yang mabuk meneguk sepuluh gelas vodka Russia. Aku tertawa tapi suaraku tenggelam ditelan angin. Basikal Cinelli Hafidz yang mahal adalah sangat ringan aku anggarkan dalam 7 kg. Basikal itu direka oleh jurutera Itali khas untuk berlumba di Velodrome dan Criterium bukan untuk merentas dunia. Ini menjadikan basikal Hafidz seperti layang-layang terputus tali. Basikal aku sarat dengan barang 40 kg masih lagi memegang status stabil. Secara pasti aku akan menjadi bola bowling jika ditiup angin taufan bukan layang-layang.

Tepat pada pukul 12 tengah hari, setelah reda angin taufan berkelajuan 40 km/j, wayar yang menghubungkan gear belakang ke pedal basikal aku putus dua ketika aku berbasikal menaiki bukit di Starigrad. Basikal aku tak boleh bertukar gear kepada gear yang lebih rendah. Di dalam erti kata lain, basikal aku dah jadi macam basikal Fixie yang kekal pada satu gear. Muka bumi Croatia yang berbukit-bukau pasti memberi cabaran hebat kepada aku yang bakal menggunakan satu gear sahaja. Aku tak mampu membaiki kerosakan wayar putus kerana aku tak menjangka masalah ini akan berlaku. Dari sudut kejuruteraan mekanikal, wayar mempunyai daya ketahanan yang sangat tinggi dan tidak akan putus jika hanya digunakan pada basikal.

Aku mencapai telefon bimbit dan membuka applikasi peta untuk mencari kedai basikal yang terdekat, "OH MY GOD!!" Gumamku sendiri.

Skrin di telefon bimbit memaparkan jarak 200 km ke kedai basikal yang terdekat.

"Gila apa kedai basikal sejauh ni, ni kira macam aku kena berbasikal dari KL ke Ipoh," ujarku kepada Hafidz.

Aku tak ada pilihan lain kerana aku yang nak sangat berbasikal sampai ke Malaysia tanpa kelentong lebih bukan? Walaupun satu gear saja aku ada, aku akan gunakan gear tersebut sampai ke Malaysia. Itulah tahap keazaman aku ketika itu. Nekad.

Sebelum memulakan perjalanan dengan satu gear, aku berhenti di hadapan Supermarket untuk mengisi perut. Menu untuk hari ini ialah pisang dan cereal. Itulah makanan yang paling murah demi menjimatkan lagi kos ke tahap minimum. Susu akan memberikan sumber protein, pisang akan memberikan tenaga karbohidrat dan bijiran akan menyalurkan bekalan mineral dan vitamin penting kepada tumbesaran otot badan. Asyik ralit mengunyah dan menikmati susu segar Croatia aku terlihat brek belakang basikal.

"Alamak! Brek belakang pulak dah haus," aku bermonolog dalaman sambil mengenang aku tidak mempunyai brek ganti.

Aku berbasikal 200 km dengan berbekalkan satu brek depan dan satu gear selama 2 hari dengan satu misi penting iaitu menuju ke kedai basikal yang paling dekat. Aku sedar satu perkara yang baru tentang Croatia. Orang di negara ini tidak berbasikal kerana muka bumi yang melampau curam. Hanya orang gila sahaja yang berbasikal.

Croatia penuh dengan pergunungan bukit tanpa pokok. Persekitaran yang ekstrem menjadikan berbasikal di negara ini sukar. Banyak ular kelihatan mati dilanggar kereta. Aku takut gila dipatuk ular kalau-kalau ia masuk ke dalam khemah.

Starigrad, Croatia. Air dah habis. Aku terus ketuk pintu rumah secara rawak dan Alhamdulillah makcik ni memberikan aku air oren yang sejuk. Lega!!

Tribanj, Croatia. Rehat sebentar di atas puncak gunung mencari tempat yang sesuai untuk berkhemah. Malam tu, khemah kami ditiup angin hampir ke dalam gaung. Kami terpaksa mencari perlindungan di perhentian bas yang berbau hancing.

Lukovo, Croatia. Aku terjumpa orang Russia ini yang berbasikal merentas Croatia bersama isterinya. Aku kagum dengan semangat yang ditonjolkan oleh dirinya.

Split, Croatia. Kami berjumpa dengan mamat ni di stesen minyak. Selepas berbual pendek, dia terus mengajak kami bermalam di rumahnya. Tanpa segan silu, aku berbasikal sepantas mungkin ke rumahnya dan terkejut. Semua makanan telah disediakan. Dia berimpian untuk menjadikan rumahnya sebagai hostel guest house untuk meningkatkan pendapatan.

Matahari terik menemani kami sepanjang hari. Awan segan-segan untuk memberi perlindungan. Disebabkan panas yang terlampau, berliter-liter air keluar dari badan dalam bentuk peluh dan garam terkumpul di baju dan tangan. Salah satu petunjuk badan semakin lemah apabila mata berpinar dan kepala terasa berat.

Akhirnya berjaya sampai di Imotski, Croatia. Pekan yang terakhir sebelum masuk ke Posusje, Bosnia. Croatia meninggalkan cakaran trauma dalam hati kerana makanan halal yang sangat susah untuk dicari. Tambah pula orang Croatia suka memanggang babi depan restoran mereka.



"Hidup ini hanya sekali, tapi sekali sudah cukup jika kau hidup SEPENUHNYA."

- Sakinah Lo

BIDADARI BOSNIA

Sheffield, dua belas bulan sebelum aku menjejakkan kaki ke tanah indah Bosnia. Kawan aku yang bernama Shaheer berketurunan Pakistan, dua tahun lebih muda dari aku. Shaheer yang kulitnya berwarna kuning langsat telah memberikan petunjuk kepada aku berkenaan bidadari Bosnia yang bakal aku jumpa ketika dalam ekspedisi berbasikal nanti.

"Sham, do you know where are the most beautiful girl concentrated?"

"Arabs land I think."

"You are wrong bro, let me tell you one theory, the highest number of beautiful girl is in Balkan Region (Bosnia, Romania, Slovenia dan Bulgaria). Believe me."

"How did you know it bro?"

"I make a research on it."

Shaheer ni berangan-angan besar nak mengahwini minah saleh dengan harapan anaknya nanti berambut perang dan bermata biru permata. Pada masa yang sama, Shaheer sedang menyuntik racun ke dalam diri aku untuk mengelakkan aku berkahwin dengan orang Melayu dan bertukar arah ke perempuan Balkan. Licik sungguh kawan aku yang satu ini.

*****

Aku tiba di bandar utama Bosnia iaitu Sarajevo. Bandar ini mempunyai sejuta sejarah yang berharga dari zaman Sultan Mehmet Fatih sehingga perang terbaru yang memecahkan negara Yugoslavia. Sejarah itu penting tapi yang paling penting bagi aku ialah aku ingin cari bukti kesahihan teori Shaheer tentang kecantikan perempuan Balkan yang diuar-uarkan sebagai perempuan tercantik di dunia.

Aku bersama Adnan, seorang pekerja Kedutaan Malaysia menuju ke tengah bandar Sarajevo. Sebaik tiba di suatu tempat, Adnan beriya-iya menceritakan sejarah Sarajevo di atas jambatan tempat tercetusnya perang dunia pertama akibat pembunuhan Raja Austria Hungary iaitu Archduke Ferdinand. Tanpa Adnan sedar, aku langsung tak beri perhatian pada penceritaannya tentang sejarah Sarajevo itu. Sebaliknya, aku sibuk menilai kecantikan perempuan Bosnia. Telinga aku mendengar setiap perkataan yang dituturkan oleh Adnan tapi aku langsung tak dapat hadam apa yang diperkatakan. Mata aku melilau-lilau menganalisa kecantikan setiap perempuan Bosnia yang aku lihat di sekeliling.

"Pergh, lawanya! Kalah orang Arab." Itulah reaksi pertama aku. Semua wanita berhampiran jambatan bersejarah perang dunia itu mempunyai kejelitaan tersendiri. Bukan terhenti setakat itu, Adnan membawa aku ke masjid bersejarah yang dinamakan Masjid Gazi Husrev-beg dan aku dikejutkan dengan tempat yang lebih hebat.

"Hisham, I want to show you the oldest caf é in Sarajevo beside the mosque." Ajak Adnan.

Aku mengekori Adnan dan masuk ke satu lorong yang gelap penuh dengan kilauan emas dan batu permata. Lorong sempit itu

hanya muat untuk 3 orang sekali jalan. Semua peniaga mempelawa aku masuk ke dalam kedai mereka. Mereka menjual bekas peluru dan pistol lama sebagai barang hiasan. Kaki aku semakin bergerak perlahan kerana aku dapat rasakan sesuatu yang luar biasa akan berlaku. Adnan melangkah masuk ke satu kafe yang bersaiz 2 tingkat 'open air space.' Serta-merta aku menjadi objek pegun dan kakiku terpasak kaku ke lantai.

Sekumpulan bidadari menjamu santapan mata aku saat ini. Kulit mulus, putih bak salju, mata jernih bersinar dan yang paling penting, bertudung litup lengkap menutup kepala. Aku berpaling ke kanan, seorang wanita berhijab biru dan sebelah kirinya bersimpuh ayu bertudung merah. Hafidz yang mendahului di depan aku, turut sama melopong bisu tanpa sebarang kata.

"Hi, I am cycling from London to Malaysia, I didn't have Mercedes but I have one specialized bicycle made in France to bring you to Malaysia, want to come?" Aku mencongak 'pickup-line' dalam kepala.

Belum sempat aku melontarkan hasrat. Dari jauh, aku nampak kepulan-kepulan asap memenuhi ruang udara. Bauan yang memualkan menerobos masuk ke rongga hidung. Jelas terselit sebatang figura dikepit dua jari runcing mulus si gadis. Asap disedut ghairah memenuhi rongga sang bidadari. Hati kaca aku jatuh berderai. Niat aku mahu menyunting bunga tadi, aku lipat semat, kemas nun jauh dalam sanubari. Aku sembunyi lalu terus melangkah pergi.

Hampa. Wanita yang ketagih cerut, pudar keayuannya. Anak jantan seperti aku tidak menyentuh apatah lagi menyedut hembus rokok berjenama, mengapa mereka terang-terangan membunuh

diri secara perlahan? Aku mengajak Adnan untuk bawa aku pergi jauh dari bandar. Jauh dari harapan palsu.

"I will show you one extraordinary place in Sarajevo," pujuknya. Adnan memandu kereta 4x4 Toyota merah ke satu puncak pergunungan yang menghidang pemandangan seluruh bandar Sarajevo. Sekarang jelas sekali aku lihat bandar Sarajevo ini terletak di lembah di antara empat gunung yang besar. Ketika perang dahulu bandar inilah yang dikepung selama lima tahun oleh pihak tentera Serbia. Kepungan itu menjadi sejarah yang hebat kerana rakyat Bosnia mampu bertahan dan tidak menyerah kalah walaupun ditembak, dibom dan dihalang bekalan masuk dari kesemua arah. Kepungan itu terpahat di dalam sejarah sebagai kepungan yang paling lama dan tidak tewas. Orang Bosnia sangat mengenang jasa budi tentera Malaysia kerana Malaysia merupakan satu-satunya tentera yang membantu mereka dari sudut makanan dan perubatan. Orang Bosnia tidak mempercayai tentera negara lain kerana mereka berkemungkinan besar menjadi perisik bagi pihak Serbia.

"Why the Bosnian didn't surrender to the Serbs?" Aku bertanya kepada Adnan.

"We are strong mentally and physically," Adnan menjawab dengan semangat .

"Did you join the war?" Tanyaku dengan nada berlawak. Secara logiknya, tidak mungkin seorang ibu membenarkan kanak-kanak untuk pergi berperang. Kan?

"I did go to the war, my mom let me go and protect the country, in the morning I went to school to learn maths, in the evening I went

to the frontline to protect our city," ucap Adnan dengan penuh bangga.

Kagum aku dengan keperibadian Adnan. Seorang lelaki yang berani memegang senjata untuk memelihara kedaulatan negara walaupun pada usia seawal 15 tahun. Sedang aku pula ketika 15 tahun masih takut tidur dalam gelap. Apatah lagi mahu berjuang demi negara. Sekarang aku sedikit maju dalam hidup, aku berani berbasikal dari London ke Malaysia dengan bekalan yang berbatas. Tambahan, aku dapat merasakan semangat patriotik mula mengalir dalam tubuh aku setelah mendengar kisah hidup Adnan.

Sarajevo, Bosnia. Pihak kedutaan melepaskan perjalanan kami menuju ke Montenegro.

Sarajevo, Bosnia. Duta Malaysia di Bosnia bersama isterinya memberi sumbangan kepada kami untuk meneruskan ekspedisi yang epik ini. Sokongan semangat dan bekalan makanan yang diberikan oleh staf embassy amat kami hargai.

Sempadan Croatia-Bosnia. Aku dan Hafidz ditahan di pejabat imigresen selama 30 minit. Pihak Imigresen menahan kami dan membuat panggilan kepada Kedutaan Malaysia, Polis negara Bosnia dan Kementerian Luar Negeri Bosnia. Ini kerana pihak Bosnia sangat prihatin kepada rakyat Malaysia yang masuk ke negaranya.

Mostar Bridge, Bosnia. Jambatan yang dibina pada zaman Uthmaniah ini terkenal di Eropah kerana menjadi tempat orang yang berani untuk melompat ke dalam air sungai. Sebelum lompat, peserta perlu bayar 30 Euro sebagai 'entrence fee'.

Mostar, bandar yang berusia lebih 500 tahun ini penuh dengan sejarah tersendiri termasuk perang dunia pertama dan kedua. Aku duduk di sebelah masjid lama dan selfie dari atas sambil melihat seluruh Mostar.

Sarajevo, Bosnia. Adnan yang merupakan seorang staf di Embassy Malaysia Bosnia yang menceritakan sejarah Bosnia yang sangat unik. Dia juga membawa aku dan Hafidz ke kawasan penuh dengan perempuan bermata biru dan bertudung di salah sebuah cafe terkemuka.



Ski Park di Bosnia ini sangat terkenal kerana pernah menganjurkan Winter Olimpik pada tahun 1984.

Sarajevo, Bosnia. Berjalan menuju ke Café bersebelahan dengan Masjid Gazi Husrev-beg. Lorong ini penuh dengan ukiran pinggan mangkuk yang diperbuat di Bosnia.

Atas Bukit Sarajevo. 500 tahun lalu inilah tempat berdirinya Sultan Muhammad Al-Fateh sebelum menakluk Bosnia. Sultan mendapat ilham melalui mimpi ketika tidur di kawasan ini. Ulama Sultan mentafsirkan mimpi sultan sebagai tanda positif untuk menakluk negara ini.

"Tiada guna menjadi Muslim, jika tidak berbuat baik dan berbakti sesuatu kepada umat."
- Muhammad Aqhari Nasrin

PADANG PASIR OMAN

"Assalamualaikum bro Jef."

"Waalaikumsalam bro, apa khabar? Sihat?"

"Bro, aku memang tak sihat ni bro. Emergency kritikal situation. Badan aku flat, makanan tak dapat masuk. Nak pitam dah ni kat padang pasir. Rasa nak muntah tu memanjang aku rasa. Bro, tolong pickup aku kat padang pasir ni dan pergi rumah ko boleh tak?"

"Keadaan kau serius kritikal bro, boleh tak kau cycle pergi ke bandar Shinas dan tunggu aku kat roundabout? Esok aku bawa kau ke hospital yang dekat dengan rumah aku."

"Ok bro, aku akan cycle ke sana dan jumpa kau kat roundabout ."

Ini pertama kali aku membuat panggilan kecemasan kepada rakyat Malaysia di luar negara. Aku membuat panggilan kecemasan tersebut beberapa minit selepas makan sejenis roti seperti roti canai di satu restoran Pakistan. Keracunan makanan yang aku hidapi dari Iran masih tidak lagi sembuh sepenuhnya malah semakin teruk. Peguam Kamal Hisyam pernah menasihati aku untuk pergi ke hospital di Dubai beberapa hari yang lepas namun aku bertegas untuk tidak pergi kerana takut aku tak mampu nak bayar kos rawatan yang mahal.

Roti canai yang dihidangkan dengan kari ayam yang terlampau masin tidak dapat dicernakan dengan baik oleh sistem percernaan aku. Justeru karbohidrat, protein dan lemak tidak mampu diserap

ke dalam saluran badan untuk diberikan kepada sel sebagai punca tenaga. Mata aku kian layu, fikiran bercelaru, pemandangan kini semakin mengecil dan kayuhan aku makin perlahan dari jam ke jam yang berikutnya. Aku sedar jika aku memberi tekanan yang lebih kepada kaki untuk berkayuh lebih dari 20 km/j. Badan aku pasti akan menyerah di tengah padang pasir yang membahang ini.

Kayuhan demi kayuhan tanpa makanan yang cukup bermakna satu sahaja. Sel otot tangan aku yang tidak digunakan dalam kayuhan akan berkorban menjadi tenaga kayuhan. Ini merupakan sumber tenaga yang terakhir digunakan oleh sistem badan untuk menjana tenaga kerana badan aku sudah kehabisan lemak. Baru aku sedar betapa pentingnya menyimpan lemak berlebihan.

Aku mengambil masa 3 jam berkayuh 40 km untuk sampai di 'roundabout' tempat kami akan berjumpa. Aku pada mulanya takut kerana ini kali pertama aku akan berjumpa dengan Jefri Jamil. Sebelum ni, kami hanya berbual melalui Facebook mesej saja. Tepat jam 8 malam, Jefri Jamil tiba dan mengambil aku yang hampir tenat untuk dibawa ke rumahnya. Malam tu aku loya dan muntah. Aku lagi rela perut kosong daripada makan kebab Oman.

Keesokan harinya aku bangun awal pagi dan Jefri Jamil membawa aku ke hospital swasta yang berdekatan dengan sekolah anaknya. Keputusan darah menunjukkan secara jelas bakteria masih bermain riang dalam saluran darah. Sebenarnya ada satu lagi tujuan kenapa aku sanggup berbasikal ke Oman. Aku ingin melepas dendam pada Bimmah Sinkhole. Bimmah Sinkhole merupakan tasik yang terbina secara semula jadi ekoran gua yang besar di dalam tanah runtuh. Air hujan dan air laut akan terkumpul secara perlahan-lahan dan kini menjadi tarikan utama pelancong.

Dua tahun yang lepas iaitu pada tahun 2012, aku datang ke sini untuk melompat dari tebing ke dalam tasik dengan ketinggian 30 meter. Namun, dulu aku tak cukup jus testikal, tak berani untuk membuat lompatan hidup dan kini aku sudah lebih dari bersedia. Dengan gembiranya nanti aku boleh memberitahu cucu aku pada masa akan datang.

"Atok masa muda dulu pernah lompat Bimmah Sinkhole, antara orang Malaysia yang pertama. Hebat Atok kamu ini, tahu?" Dalam menahan sakit, aku melawak dalam kepala sendiri.

Sempadan UAE- Oman. 10 km lagi untuk masuk ke negara Oman. Yeah! Ribut dan pasir menjadi kawan sejati kami. Matahari menjadi inspirasi untuk meneruskan perjalanan yang epik. Aku hampir tewas di padang pasir dek kerana keracunan makanan.

Oman. Berjumpa kawan karib yang sama belajar di University of Sheffield. Kawan yang berkopiah itu bernama Khalid dan pernah membawa aku ke rumahnya di pedalaman Rustaq.

Tarian senjata yang dipersembahkan oleh salah satu kabilah Arab di Oman. Mereka penuh bersemangat menyanyi dan menari.

Kerajaan Oman membenarkan jualan senjata secara awam. Namun kebanyakan rakyatnya tidak memiliki senjata. Orang Oman sangat mementingkan sopan santun dan adat budaya.

Menjelajah gua di kawasan pedalaman Oman.

Orang Oman menari dengan riang di hadapan Istana Negara Sultan menyambut berita gembira Sultan Qaboos sudah pulih dari pembedahan. Mereka begitu sayang dan taat kepada Sultan mereka kerana baginda berjaya menyatupadukan rakyat negara ini.

Kelihatan seperti sambutan merdeka. Sebenarnya mereka sedang menyambut khabar berita gembira Sultan Qaboos sudah pulih dari pembedahan.



Walaupun badan masih lemah akibat keracunan makanan, aku masih gigih untuk melancong ke seluruh Oman.

Aku berjaya di transform menjadi orang Oman.

Keputusan darah dari Hospital Badr Al Samaa yang menunjukkan kandungan W B C (White Blood Cell) tinggi daripada kebiasaannya. Ini menunjukkan keracunan makanan dalam badan dan darah telah dijangkiti kuman. Solusinya ialah dengan makan anti biotik yang diberikan oleh Doktor. Kos rawatan mencecah RM300.

BADR

مجموعة مستشفيات ومستوصفات بدرالسماء

BADR AL SAMAA

GROUP OF HOSPITALS AND POLYCLINICS

Doc No:	0459023	Date: 19/11/2014	Time:
Name:	BADRUL HISHAM BIN BURHANUDDIN	Age: 24 Y	Sex: M
Ref. By:	DR.SIMNA MARIYAM	Bill No: 0707840	File No:
Chs No:		Omani ID/L.Card No	

Test	Result	Normal Range
C REACTIVE PROTEIN (CRP)	NEGATIVE (0.7 mg/L)	(< 6 mg/L)
COMPLETE BLOOD COUNT		
HAEMOGLOBIN	14.7 gm/dl	Male 14 - 18 gm/dl Female 12 - 14 gm/dl
TOTAL COUNT(W B C)	11.4 K/uL	4.0 - 11.0 K/uL

"Jangan mengaku kalah dengan impian. Adakah kau mahu 10 tahun akan datang kau akan menyesal dengan sesuatu yang kau tidak pernah lakukan!
Bergembira dengan kejayaan dan kesusahan yang kau hadapi kerana kau tahu kau telah cuba SEPENUH HATI! "
- Lina Maharon

SKYDIVE DUBAI

Keinginan aku untuk skydive sedari dulu masih belum ditunaikan. Sejak azali lagi aku teringin untuk mencubanya. Skydive ialah sejenis aktiviti di mana kita lompat dari kapal terbang dengan hanya membekalkan satu payung terjun. Tempat yang paling terkenal bagi aktiviti ini ialah di Dubai, Switzerland dan Norway. Alang-alang aku berada berhampiran dengan Dubai, mengapa tidak aku mencuba?

"Bro, dah lama aku mengidam nak lompat dari kapal terbang dekat Dubai," aku beritahu Jefri.

"Sham aku dah berpuluh kali lompat kat tengah padang pasir Dubai, kalau kau ada duit aku boleh recommend tempat baik punya untuk terjun," dengan bangganya Jefri bakar line aku.

"Berapa harga bro? Aku nak lompat sekali je pun jadilah," aku mula membina harapan.

"Ada 2000 Dirhams (RM1500) kita boleh terjun hujung minggu ni," Jefri beri cadangan.

Mendengar jumlah wang yang diperlukan untuk tandeem-skydive, aku tahu, aku perlu menggali liang untuk aku kuburkan saja niat yang satu ni. Satu lompatan dalam masa kurang dari 1 minit berharga RM1500. Kebiasaanya dengan jumlah wang sebanyak itu, aku mampu mengisi perut beruang aku selama dua bulan. Ada satu cara saja untuk menjadikan impian melompat dari kapal terbang ini menjadi realiti iaitu dengan menjual basikal merentas dunia yang aku miliki. Basikal legend ini mampu dijual kepada

masyarakat Malaysia dengan harga RM5000.

"Gila apa nak jual basikal sendiri, satu-satunya kenderaan yang aku ada, habis tu nak balik Malaysia naik apa?" Berleter kepada diri sendiri.

"Tak apalah bro, lepas ni aku datang Oman dan Dubai. Aku bawa duit berkepuk dan kita lompat sama-sama dengan Prince Dubai," aku memberi harapan kepada Jefri dan isterinya Jeannete.

Pada hujung minggu, disebabkan aku telah memasang niat mahu datang kembali ke Dubai dan Oman pada masa akan datang. Jefri dan keluarga membawa aku meronda di sekitar kawasan Skydive yang dibina khas oleh Prince Dubai sebagai motivasi kepada aku. Bermain jelas di ruang kepala, wayang aku melompat terjun dari perut kapal terbang. Jeritan gema gempita, tangan luas terdepang serta angin yang menampar pipi serta mengigit seluruh figura aku yang genit. Saat hampir mencecah tanah, payung terbuka luas dan masa itu aku bebas. Melagakkan diri seperti Rajawali yang meninjau takhtanya dari angkasa. Terbang lebar sayap menjajah tanahnya, hingga enggan menjejak tanah. Aku senyum sendiri, mabuk dalam adrenaline anganan sendiri.

Dubai membina satu tempat khas untuk orang gila terjun dari kapal terbang. Tempat ini berhampiran dengan 'Palm Island' dan bangunan tertinggi di dunia iaitu Burj Khalifa. Semua orang yang ingin melompat dari kapal terbang akan menyiapkan payung terjun dan alat kelengkapan lain di tempat ini. Ada satu soalan yang sering berlegar mengagau ketenteraman fikiran ketika aku di sana. Mengapa ramai orang Arab skydive tatkala pada masa yang sama orang Asia dan Eropah sedang bekerja? Apa mereka tak perlu kerja? Atau tak ada tanggungjawab dan komitmen hidup?

Aku utarakan soalan maut itu bertubi-tubi kepada Jefri dengan harapan Jefri dapat memberi jawapan yang bernas.

"Bro, orang Arab Dubai tak kerja pun dapat duit dari kerajaan. Gaji minimum untuk orang Arab Dubai ialah RM20,000. Bukan tu je bro, diorang nak kahwin pun dapat subsidi dari kerajaan."

Jujurnya aku sungguh kaget mendengarkan jawapan yang diberikan Jefri. Goyang kaki tapi masih wang masuk mencurah. Teringin benar aku menjadi seperti orang Arab Dubai.

Namun, apa gunanya dapat duit yang banyak tapi tidak memberi sumbangan kepada orang lain yang memerlukan? Palestin dan Syria yang semakin hidup sengsara dari hari ke hari. Masih lagi membutakan mata, menulikan telinga. Aku berazam, suatu hari aku mampu membantu dengan tulang empat kerat yang aku punyai untuk meringankan beban mereka. Ya, mungkin aku tak mampu nak memewahkan semua, tapi, dengan izin Tuhan, aku cuba.

Peguam Kamal Hisyam memberi tempat tinggal selama 2 malam untuk kami di Dubai, UAE. Dia membawa kami berjalan pusing sekitar bandar Dubai sambil menceritakan tentang gahnya bangunan Dubai.

Membaiki basikal di hadapan Kedutaan Malaysia di Dubai. Aku membuka rantai basikal dan terlupa untuk memasang dengan betul. Nasib baik Duta tak nampak rantai basikal aku terjatuh depan pejabat mereka.
Bikin malu saja.

Burj Khalifa, Dubai dibina bukan dengan kepakaran orang Arab, tapi dengan titik peluh orang Pakistan, Malaysia, Filipina dan British. Mengikut khabar angin orang tempatan, pekerja Pakistan yang membina Burj Khalifa dilayan seperti hamba oleh orang Arab Dubai dengan memberikan gaji yang sangat rendah dan waktu kerja yang lama pada suhu lebih dari 40 darjah selsius.

Padang pasir menuju ke Oman. Ketidakhadiran pokok menjadikan kawasan ini sangat panas di waktu tengah hari. Aku hampir gila kerana pemandangan yang membosankan dan restoran susah untuk dicari. Aku hanya mempuyai topi keledar sahaja untuk melindungi kepala daripada dipanah kepanasan cahaya matahari.

Hotel Burj Al Arab gah di tepi pantai Selat Persia. Teringin hati ni untuk bermalam di hotel yang indah itu, tapi apakan daya, tak kesampaian kerana bilik yang paling murah pun sudah berharga RM7500 satu malam. Hotel ni sangat mahal dan hanya Presiden, Perdana Menteri dan Orang Kaya sahaja yang mampu bayar untuk servis hotel itu.

Nasi Beriani Arab yang sungguh enak. Walaupun mereka menyajikan tanpa kuah kari atau dal, aku mampu menghabiskan satu pinggan besar kerana terlalu lapar. Nasi Beriani ini berharga RM20. Nasi Beriani ini disajikan dengan sup kosong bersama ulam.

"Kehidupan sebenar bukan kerana kejayaan dicapai, tetapi berapa banyak kekecewaan yang ditempuhi."
- Johari Hamid

HISHAM VS PENCULIK TURKI

"Assalamualaikum, Sheila. Apa khabar? Sihat?"

"Sheila sihat, Sham sihat ke? Macam mana cycling hari ni?"

"Sham baru je hampir diculik orang Turki."

"Haaa, apa jadi Sham? Kat mana sekarang ni? Ada apa-apa hilang tak?" Aku menceritakan dari mula sampai habis.

"Hari masih cerah, pada pendapat Sheila, patut tak Sham meneruskan perjalanan basikal ni?"

"Eiihhhh jangan Sham, Sheila rasa penculik tu tengah tunggu Sham kat depan. Baik Sham stay je kat situ."

*****

Bayu dari pergunungan Turki berpuput lembut meluncur ke arah Iran. Angin menyelinap seluruh pelusuk tubuh, kedinginan yang menggigit-gigit meninggalkan sisa beku pada hujung hidung dan telinga. Suhu bermain sekitar lima darjah atas paras beku. Mata aku kering dek rembesan cecair menolak untuk membasahkan mata. Perit namun aku perlu berkedip untuk melihat dengan sempurna. Kayuhan aku lancar kerana angin yang menghembus menolak dari belakang dan arahku menuju Iran. Kebiasaannya aku hanya mampu berbasikal sejauh 100 km, tapi dengan kehadiran angin pergunungan Turki, kali ni aku mampu pergi sejauh 130 km dalam masa satu hari. Kaki menginjak pedal basikal dengan mood yang gembira. Telinga aku sumbat suap dengan santapan muzik

yang mengalun jiwa. Terkadang mood aku berubah dan punat hitam aku tekan, muzik yang biasa bersalin suara dengan alunan suci ayat Al-Quran.

Mata melirik pada jam tangan di pergelangan. Detik masa tepat menunjukkan pukul 3.30 petang. Aku baru perasan, suasana senyap, bisu tak berlagu. Bateri habis rupanya. Earphone aku lucut perlahan turun dari telinga. Sambil berkayuh, aku bertadabbur melihat keindahan alam. Gunung batu yang mengalirkan air jernih di celahnya, damparan padang pasir dengan warna keemasan. Bibir tanpa sedar, mengukir lengkungan gembira. Bersyukur kerana masih dikurniakan pancaindera mata.

Lamunan tersentak apabila kereta bersaiz Proton Saga memintas lalu dengan kelajuan yang luar biasa. Kemudian geselan tayar pada jalan tar menghasilkan garisan hitam dan bau getah terbakar meluru masuk ke rongga hidung. Pemandu membrek secara mengejut, dan kereta di berhentikan pada bahu jalan. Aku lihat dari jauh, dua susuk tubuh yang besar keluar dari perut kereta. Lalu tanpa segan silu terus membuang hajat kecil di tengah
jalan raya. Jauh dalam sudut hati, aku merasa gundah tiba-tiba. Menjangkakan yang malang bakal menerpa.

Aku tekan brek basikal, perlahankan kayuhan. Kaki kanan menongkat pada jalan, kaki kiri masih melekat pada pedal basikal. Lantas botol air dicapai lalu meneguk beberapa mililiter membasahkan tekak. Dalam masa yang sama, ekor mata mencuri lirik pada aksi mereka. Tanpa sengaja, mata kami bertentangan. Dapat aku rasakan yang pandangan bengis dan garang menembus dada. Darah berderau naik ke kepala dan serta-merta jantung bertambah laju degupannya.

Untuk mengelakkan perkara tidak diingini, aku melarikan pandangan ke arah belakang. Otak ligat menyusun taktik untuk melarikan diri. Itu pelan A. Plan B pula ialah tinggalkan basikal dan lari ke padang pasir dengan harapan dua orang yang gemuk itu akan tenggelam dimakan pasir yang halus. Tatkala ingin merancang Plan C, aku lihat mereka dengan rela kembali menghilangkan diri ke dalam perut kereta lalu enjin dihidupkan. Tapi mereka memandu perlahan. Dengan penuh ragu, aku teruskan kayuhan, tanpa sedari kini aku sudah seiringan dengan mereka. Si penumpang menurunkan cermin, terlihat jelas wajahnya, merenung tajam aku.

"Neselsin? (Apa khabar?)"

"Alhamdulillah, Ben iyiyim."

"Sen Neselsin."

"Iyiyim."

"Where are you come from?"

"Malaysia"

"Brazillia??"

"Yok, Malaaziaaa."

Seperti diduga, niat mereka tidak sebaik yang aku sangka. Aku lihat isyarat tangannya bergesel di hujung jari menunjukkan yang dia mahukan wang. Tapi dengan sengaja aku buat tidak endah, sambil meneruskan kayuhan yang berbaki. Melihat aku yang tidak

peduli, dia bertempik marah, suaranya garau mengasak gegendang telinga, "dur, dur!" Tempiknya makin gila. Macam orang kena rasuk. Tujahan pedal basikal tanpa sengaja semakin laju, namun kelajuan kereta bukan setanding dengan kelajuan basikal aku. Aku dipintas dengan begitu mudah. Sergahan bagai raksaksa menjamah corong telinga lagi, tapi kali ni dia menyuruh aku masuk dalam perut kereta mereka. Aku terpaksa untuk berhenti di bahu jalan.

Sepantas kilat brek aku tekan, kereta meluncur ke hadapan dan aku menongkah sedikit ke belakang. Arah basikal aku luncur ke arah bertentangan. Sekarang aku seiringan di sebelah pemandu kereta. Si pemandu kereta, biadapnya lebih celaka dari si penumpang. Aku diludahnya buat keberapa kali aku pun tak sempat mengira. Ludahnya di selang-seli dengan makian yang di tumbuk lumat dan dilempar kepada aku yang dah sememangnya tengah menggeletar. Tuhan menurunkan pertolongan. Tak berapa jauh di depan, aku ternampak sebuah stesen minyak. Tujahan aku semakin bersemangat. Si penjahat seakan-akan mengetahui niat aku, dia pun turut sama menujah pedal minyak keretanya. Aku kira dia mahu melanggar aku!

*****

Jeritan menenggelamkan kisah siang tadi. Aku bingkas bangkit dari pembaringan dan lelapku terganggu buat kesekian kali malam ini. Aku meraup muka dengan telapak tangan disertakan istighfar yang panjang. Trauma siang tadi masih lagi berlegar menghantui. Aku buka sedikit zip khemah yang aku bina, angin dingin mencuri masuk. Trauma kali ini benar-benar mengganggu emosi.

Teringat kembali perbualan aku dengan kawanku yang berada di

Scotland pagi tadi. Sungguh, Sheila, aku terhutang nyawa. Dengan keadaan aku yang dilanda ketakutan, fikiran menjadi kurang waras, kau berikan aku jalan. Malam itu, buat kesekian kali aku melabuhkan kepala pada pembaringan. Zikir dan doa aku ucap seikhlasnya pada Tuhan. Lindungi aku, jagakan aku, selamatkanlah aku. Bibir basah dengan zikrullah, lidah ringan menyambung doa. Diam. Aku terlena buat kesekian kalinya.

Sekali lagi tanah Turki menjadi saksi, di belakang kedai minyak itu, Hisham mengadu pada Ilahi. Mengeluh luah pada Tuhan berdoa bertadah tangan dan diaminkan si mergastua. Hisham kembali sedar, hanya Tuhan sahaja yang tidak pernah meninggalkannya.

"Demi sesungguhnya! Kami menguji kamu dengan sedikit perasaan takut (kepada musuh) dan (dengan merasai) kelaparan, dan (dengan berlakunya) kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil tanaman. Dan berikanlah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar."
[Al-Baqarah 2:155]

*****

Keesokkan harinya, seusai solat Subuh aku bersiap seadanya. Perjalanan aku mulakan seawal yang mungkin hari ini. Kayuhan perlahan, ditemani cicipan unggas yang berterbangan serta disinari simbahan cahaya mentari muda. Hidup perlu diteruskan, sesungguhnya, mengejar impian bukan seindah yang disangka.

"Pengalaman tidak boleh dibeli. Aku tidak suka zon selesa."
- Hammat Firdaus Mokhtar.

Peristiwa hitam dijadikan pengajaran untuk menjadi orang yang lebih baik pada masa akan datang. Gelak ketawa bersama penjual kebab berhampiran bandar Iskenderun. Harga kebab ayam ialah 5 Turkish Lira (RM7.50).

Turki terkenal dengan pergunungan yang mencengkam otot sehingga sakit. Namun sakit itu sementara manakala memori itu akan kekal.

Aku nak call polis untuk beritahu kecemasan yang aku alami, tapi aku terlupa nombor kecemasan Polis di Turki. Gambar di ambil ketika bersama Polis di Wilayah Iskenderun, Turki.

Salah satu gaya aku sering buat setiap kali berada di puncak bukit yang cantik. Mengangkat basikal yang seberat 14 kg di bandar Cappadocia, Turki. Aku terbayang perbualan dengan anak-anak aku nanti.

"Ayah, apa benda yang paling seronok ayah pernah buat?"

"Nak, dulu ayah berjaya naik basikal dari London sampai ke Cappadocia dengan satu basikal murah."

"Wah! Hebatnya ayah, dah besar nanti nak jadi macam ayah jugalah!"

10 hari sebelum peristiwa aku hampir diculik orang Turki. Inilah pemandangan kawasan khemah yang cantik. Dapat dilihat bersepah-sepah belon udara panas di ruang udara sekitar bandar Cappadocia, Turki.

ORANG BUNIAN TURKI

Aku ni spesis yang tak percaya dengan hantu. Bagi aku itu semua cerita dongengan saja yang direka-reka oleh orang tua untuk memomokkan anak-anak muda, lalu disampaikan secara turun-temurun dan melekat kejap menjadi salasilah keturunan. Hantu raya, pocong, drakula, kuntilanak dan bunian. Bagi aku semua benda ni hanya kepercayaan karut-marut sama seperti mempercayai superhero manusia seperti Superman, Batman ataupun Spiderman. Kalau orang bercerita kepada aku ada kawannya mampu berjalan di atas air, lut dari tetakan parang, terbang dan kebal, secara pastinya aku akan gelak terbahak-bahak kerana aku ini orang Sains yang memerlukan bukti eksperimen untuk menunjukkan kesahihan fakta cerita mereka. Cerita kencang tidak mampu meyakinkan aku melainkan aku melihatnya sendiri.

****

Hari yang ke 87 dalam perjalanan menuju pulang ke Iran. 5 petang waktu Turki. Aku baru saja berbasikal lebih kurang 8 jam di pergunungan Erzurum di Turki yang dipenuhi pasir kasar berwarna coklat. Aku berbasikal merentas lebih dari
tiga gunung yang sebesar Gunung Ledang berketinggian 2000 meter bertemankan kambing biri-biri gunung. Aku menamakan kesemua kambing di pergunungan Turki dengan nama 'Kiki'. Aku membuat satu seruan berbunyi 'Kiki' dan spontan sekawan kambing menoleh ke arah aku seolah-olah aku ni ketua mereka. Itulah hiburan aku setiap hari di kawasan ini.

"Hahaha, ramai betul Kiki kat sini," aku gelak seorang diri.

Kaki aku terutamanya lutut mengalami sakit yang teramat sehinggakan aku dapat rasakan tendon yang menghubung tulang Femur dan Tibia menjadi bengkak ekoran terlebih guna. Lantas, tepat pada pukul 5.15 petang aku memberhenti basikal di antara dua gunung togel yang besar. Yang menghairankan, sungai jernih mengalir di celah dua gunung, akan tetapi, tumbuhan hampir tiada hidup di situ. Yang ada pun, pohon yang kecil dan rumput yang hampir mati.

Aku memberanikan diri untuk menapak khemah di antara sungai dan jalan raya. Aku memilih untuk berada di tepi sungai kerana memudahkan bagi aku untuk mendapat sumber air bagi masakan, solat dan mandi jika perlu. Sungai itu sangat kecil dan aku pasti ikan tidak mampu berenang di dalam saiz sungai sedemikian. Tambahan, suhu angin dan air yang sangat sejuk menjadikan tempat ini mustahil bagi kehidupan berdarah sejuk untuk membina keluarga di situ.

Aku membuka khemah dan memunggahkan semua alatan masak di tepi sungai. Seperti biasa, sambil menjerang air aku akan memacakkan khemah atas tanah yang lembut. Menjerang air di kawasan pergunungan Turki ini mengambil masa 2 kali ganda lebih lama daripada di Malaysia kerana cuaca yang sejuk melampau . Perut aku dah menyanyikan lagu dan aku masak makanan kesukaan iaitu Pasta dan Ikan Tuna. Cabaran bab makanan di Turki ialah selepas memasak. Aku perlu memakan sepinggan pasta sepantas kilat sebelum pasta tersebut beku ekoran haba diserap udara yang sejuk. Kebiasaannya aku tak mampu habiskan pasta tersebut.

Perut dah kenyang dan tiba masanya untuk bersiap sedia menunaikan ibadah wajib iaitu solat Jamak Maghrib dan Isyak.

Air sungai yang sejuk gila seperti air peti ais dijadikan air wuduk. Sebaik sahaja air itu menyentuh kulit, tangan dan kaki aku menggeletar semacam orang terkena sawan. Aku pun solat ditepi khemah beralaskan jaket musim sejuk.

Matahari gelincir sepenuhnya maka aku masuk ke dalam khemah. Sambil baring di dalam khemah keseorangan, aku mencapai Al-Quran di dalam beg dan membaca sekurang-kurangnya dua muka surat sebelum menulis diari harian. Tepat jam 8 malam, rebahku di pembaringan membawa aku ke alam mimpi. Penat lelah berbasikal 8 jam menjadikan otak meronta menagih rehat secukupnya.

Namun lenaku tidak lama. Tepat jam 10 malam, aku terjaga. Mata ditenyeh-tenyeh dengan hujung jari, dalam keadaan samar, aku kebingungan. Puaka apakah yang mengejutkan aku dari mimpi yang nyaman? Hati bagai digaru sang ragu. Firasat menafsir bahawa khianat bakal berlaku.

Untuk memanfaatkan masa yang berlalu sepenuhnya, aku berzikir dan bertahmid memuji kebesaran Tuhan yang menjadikan bumi seindah ini. Bibir dan jemari aku bergerak serentak dengan irama zikir manakala halwa telinga disuap dengan alunan maliran sungai malam. Tiba-tiba, 'fushhh'. Walaupun tak nampak, tapi terasa angin halus menampar lembut pipiku. Satu makhluk bersayap mendarat berhampiran khemah aku. Bulu roma aku tegak 90 darjah dan jari-jemari kaki dan tangan sejuk serta-merta. Yang memisahkan aku dan 'dia' hanya kain nylon khemah. Aku cuba untuk melihat bayang bayang 'dia' dengan bantuan cahaya bulan namun pada malam itu bulan gelap sepenuhnya. Aku mahu keluar dari khemah dan menyuluh 'dia' tapi keberanian aku masih tidak cukup. Aku terbayangkan kalau yang aku lihat itu ialah haiwan seperti beruang, babi, serigala atau anjing, sudah pasti aku akan

tewas dan mati dimakan. Aku terfikir juga untuk lari ke kawasan penempatan yang berdekatan tapi rumah orang Turki yang berhampiran terletak sejauh 10 km.

"Aduh, nak buat apa ni? Nak lari 10 km ke rumah paling dekat dalam gelap ni confirm sesat!"

Kesemua pancaindera aku berfungsi pada tahap maksimum. Telinga aku cuba untuk mendengar dan merakam setiap pergerakan si 'dia'.

'Dia' menyusup perlahan mengelilingi khemah aku. "Chuk.. chuk..chuk..chuk...." Melalui bunyi derapan kaki ini aku pasti 'dia' mempunyai dua kaki seperti manusia tetapi irama hayunan langkahnya berbeza dengan suara derapan kaki manusia. Dan aku juga meneka, itu bukan juga bunyi langkah kaki haiwan yang biasa aku dengar. Apabila tapak kakinya mencium bumi, menambahkan laju degupan jantung aku. Tambahan lagi, si 'dia' berani menghampiri khemah aku, seolah-olah memerhati aku dan mungkin merancang untuk membaham atau merasuk aku. Ucapan dua kalimah syahadah tanpa sedar aku lafazkan. "Dup dap.. Dup dap.. Dup dap.." jantung aku berdegup ketakutan.

Dalam situasi yang genting, handphone aku berdering. Terkejutnya aku bukan kepalang. Dalam keadaan gugup dan gelabah aku meraba-raba mencari handphone dengan berpandukan bunyi sahaja. Sepantas kilat aku menyahut panggilan itu. Celaka, nasib baik aku tak terkencing dalam seluar!

"Assalamualaikum, Sheila," tuturku separuh berbisik.

"Waalaikumussalam Sham. Apa khabar? Sham sihat ke?" Suara

wanita ini ceria di sebelah sana.

"Alhamdulillah, sihat. Penat jugak naik basikal kat gunung Turki ni, Sheila sihat ke?" Saja aku berbasa-basi.

"Sheila terlebih sihat sekarang ni, hehe.. Makan sedap-sedap kat sini."

"Boleh tak Sheila salin kedudukan GPS ni in case ada apa-apa berlaku."

"Boleh, no hal, bak mai GPS location tu."

"Nombornya ialah 39.93, 42.32."

"Sham ok ke tak ni, macam ada tak kena je?"

"Alhamdulillah semua ok, tak ada apa-apa berlaku. Semua okey je macam biasa," aku sedaya-upaya membuat nada bersahaja.

Kiranya jika aku ditakdirkan hilang lenyap dari peta dunia, Sheila adalah orang yang aku letak pengharapan untuk memberitahu lokasi terakhir aku. Aku dapat rasakan itulah malam terakhir. Selepas usai berbual di talian, kini aku bersendirian semula di kawasan pergunungan yang menyeramkan. Tambah lagi puaka apabila aku terlihat handphone aku cuma ada satu bar signal dan lagi bahaya bila aku teringat baki kredit aku ialah KOSONG. Sudah pasti panggilan kecemasan kepada Kedutaan Malaysia di Ankara, Turki tak dapat dilaksanakan.

Kembali kepada realiti, 'dia' masih bergerak ke hulu ke hilir di kawasan perkhemahan. Menapak ke ruang memasak aku dan

langsung tidak menyentuh makanan yang sedia ada. Malahan bunyi sudu garpu berlaga pun tiada. Jika itu haiwan, sudah pasti tanpa berfikir panjang mereka akan melahap semua makanan yang ada. Sah, ini bukan haiwan yang biasa!

"Dan Tuhan kamu berfirman, "Berdoalah kamu kepada-Ku, nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu……."
[Al Ghafir,60]

Tanpa berlengah lagi. "Ya Allah, kuatkan imanku sebagaimana engkau memberi kekuatan kepada orang-orang yang beriman dan berikanlah aku keberanian sepertimana engkau beri kepada Umar." Aku bermonolog meminta doa dengan Tuhan yang satu. Sebaik aku selesai berdoa, aku terus menekup kepala dengan baju dan berharap 'dia' akan berlalu pergi meninggalkan aku.

Sejam kemudian tanpa sebarang insiden dan 'dia' masih ke hulur dan ke hilir di kawasan perkhemahan. "Fushhh" dia terbang meninggalkan aku. Tangan aku mula rasa panas dan jantung tidak lagi berdegup kencang. Darah sudah mengalir ke pembuluh yang sepatutnya. Aku diberi pengajaran oleh Yang Maha Esa, bahawa percaya kepada perkara ghaib terselit kemas dalam rukun iman kita. Jangan takabbur.

Dogubayazit, Gunung terbelah dua untuk dijadikan jalan raya di antaranya. Cabaran besar ialah ada kemungkinan tanah runtuh dan membahayakan pengguna jalan raya. Jadi, aku sentiasa melihat ke atas gunung untuk menganalisis kemungkinan batu besar tergolek jatuh.

Dogubayazit, jam 6 petang dan aku sedang memasak makanan kegemaran pengembara jauh iaitu Pasta bersama Ikan Tuna. Khemah bersebelahan dengan sungai. 4 jam kemudian bermula drama bunian melawat tapak perkhemahan.

Restoran yang paling unik di dunia di Pasinler. Mereka hanya menjual air teh Turki. Tidak menjual sebarang makanan. Apabila aku masuk ke dalam restoran, mereka melihat aku dengan pandangan yang sangat pelik. Mereka terkejut ada seorang yang berupa Melayu di pekan. Mungkin disebabkan aku terlebih kacak mereka memandang aku dengan lebih lama.

Dengan berbekalkan senjata pisau lipat dan kayu monopod Gopro, aku masuk ke kawasan pergunungan kelihatan seperti di dalam movie Lord of the Ring. Aku berharap agar tiada orc dapat menghidu kehadiran aku yang berketurunan Hobbit.

Menghirup udara segar di tepi highway berhampiran Adana. Malang tidak berbau, tiada restoran di sepanjang Highway dan aku terpaksa meminta makanan dan air daripada pekerja buruh yang membina tempat rehat. Mereka memberi air kosong dan roti kosong. Lapar yang teramat.

Inilah tapak perkhemahan di mana bunian turun dari langit. Perkampungan yang terdekat ialah sejauh 10 km.

Mamat Turki ini memberi tempat tinggal kepada aku secara percuma di Ankara tatkala aku menunggu visa India untuk siap sepenuhnya.

Berdekatan perkampungan Pasinler, Turki. Jalan yang dikelilingi gunung-ganang tanpa pokok hijau. Aku kehabisan air pada keesokan harinya, tempat gas masak rosak dan hampir kehabisan makanan. Dengan berbekalkan kek coklat 1000 kalori aku berjaya keluar dari pergunungan ini dengan kekuatan mental yang baru.

"Merantau bukan soal duit tapi keberanian."
- Paulo Coelho

MAKAN ULAT THAILAND

Hijau, mengandungi zat, vitamin dan sesuai dengan diet manusia. Ini bukan tumbuhan, ini bukan haiwan mamalia, ia tergolong dalam spesis serangga. Sejenis makanan eksotik yang aku buru sejak dari dulu. Ustaz kata masa sekolah-sekolah dulu, belalang halal untuk dimakan. Makanya, seusai menjejak kaki ke Thailand, aku memulakan misi mencari belalang di kedai-kedai tepi jalan. Sejujurnya, teringin juga rasanya mahu menjamah kala jengking atau ular atau yang lainnya. Memandangkan faktor halal haram menggariskan sempadan, belalang saja makanan eksotik yang tersenarai dalam makanan paling pelik yang boleh aku telan.

Sebaik melintas masuk ke negara Tomyam, aku dapat rasakan impian aku ingin memakan belalang akan tercapai dalam beberapa hari. Inilah negara yang terkenal dengan makanan eksotik. Mengikut mitos orang tempatan, mereka mengambil makanan eksotik untuk meningkatkan tenaga zahir dan batin. Aku pula ingin makan belalang untuk meningkatkan kuasa kayuhan kaki bagi mengalahkan Anuar Manan dan Lance Armstrong. Dalam fikiran aku, ada dua kemungkinan makanan belalang ini akan disajikan kepada aku. Yang pertama belalang goreng bercicahkan sos cili Kimball, manakala yang kedua pula ialah sup belalang dengan nasi putih. Hanya dengan kuasa imaginasi pun dah bergetar perut kelaparan.

Masuk hari yang ke sepuluh di Thailand, aku tiba di satu pasar yang terletak berhampiran dengan bandar Hat Yai. Dikatakan pasar itu pasar terapung namun semua gerai pasar yang aku lihat berada di atas tanah. Kecewa sungguh dengan pasar terapung darat ini. Sambil berjalan-jalan dengan misi yang penting mencari

belalang, terlebih dahulu aku makan ayam goreng bersama nasi pulut yang dimasak oleh perawan jelita Pattani. Aku memesan air Chocolate Milk Shake. Kesemuanya berharga RM5. Tengah makan pun aku terbayang kelazatan belalang yang akan aku jumpa kejap lagi. Inilah dikatakan kenyang nasi tapi lapar belalang. Aku gelak sendirian.

"Insect is full of protein, vitamin and minerals. It is essential for human being," - Bear Grylls, seorang pengembaraan British.

Hayunan langkah kaki lincah menawaf Pasar Terapung itu, namun yang aku dapat cuma lima minit yang hampa. Tiba-tiba aku pula yang berasa mahu terapung oleh kerana panas yang membahang. Belalang yang hidup mahupun yang siap dimasak tidak menunjukkan diri di dalam pinggan mahupun di dalam kawah. Tiba-tiba, Suhaimi mencelah:

"Sham, aku dah jumpa belalang goreng, kau nak tak?"

"Kat mana tu bro, jom jom, aku nak makan belalang goreng, dah tak sabar ni!"

"Sham, kalau kau makan, baru aku makan," pendek ucapnya.

Satu gerai berbumbungkan payung merah menyala, sajian yang aku idamkan sedia terhidang penuh satu pinggan dengan sinaran coklat keperangan. Mungkin atas dasar kena goreng aku rasa. Kecur air liur melihat susuk tubuh belalang yang menggoda, membayangkan tubuhnya yang rangup aku kunyah rakus lumat. Ditelan laju menuruni rekung sebelum ke perut. Duit not sepuluh bath aku keluarkan dari kocek seluar. Kerakusan aku tidak mungkin aku bendung untuk jangka masa yang lama. Walaupun

kurang dari sepuluh minit yang lalu, aku baru sahaja melahap sebungkus ayam goreng dan nasi pulut.

Belum sempat wang bertukar tangan. Mataku menangkap satu kelibat yang menggelikan. Serta-merta selera aku patah, berantakan. Ulat goreng! Ya, ulat goreng berjirankan belalang yang aku idamkan. Itu bukan ulat sagu, aku pasti. Warnanya putih, berdiameter sebesar pen, dan gampangnya saling tak tumpah serupa ulat sampah! Saat itu, isi perutku berebut mahu keluar. Loya yang teramat! Gendangan perut bertukar rentak. Penolakkan sudah sampai ke tekak apabila aku membayangkan belalang digoreng seiring bersua mesra dalam minyak yang sama. Kerana enggan darah daging aku dibina dengan ulat seakan-akan ulat sampah, aku mengambil keputusan untuk tidak menjamah belalang tersebut. Namun dalam masa yang sama juga, aku tidak mahu egoku tercalar.

"Bro, kalau kau makan belalang tu, baru aku makan," ujarku selamba demi menjaga maruah.

"Hahaha, kalau kau makan baru aku makan," Suhaimi membalas untuk melindung egonya juga.

"Kau la makan dulu, aku follow lepas tu," aku enggan kalah kepada Suhaimi.

Permainan tarik tali yang halimunan antara aku dan Suhaimi berlanjutan untuk beberapa minit. Bagaikan faham akan isi hati masing-masing, kami berdua beredar tanpa sepatah ayat. Akhirnya, belalang goreng kutinggalkan, menjadi sejarah pilu.

Ho Chi Minh, Vietnam. Bandar yang penuh dengan pelancong dari Malaysia sehinggakan ada satu lorong dinamakan lorong Melayu. Makanan halal mudah untuk dicari dan kebanyakan orang kedai mampu bertutur bahasa Melayu.

Aku bertanya kepada orang tempatan di Prasaut, Cambodia dimanakah hotel yang terdekat. Mereka dengan tenang menunjukkan rumah di belakang ini hotel atau dipanggil guest house. Rumah sudah hampir roboh.Harga 5 Dollar satu malam.

Muzium di Phnom Penh, Kemboja. Bergambar bersama sami Buddha yang sedang bermeditasi di kawasan yang berhampiran. Mereka sangat sempoi untuk bergambar bersama. Aku teringin nak bertanyakan mereka cara meditasi yang betul namun atas faktor limitasi bahasa, aku hanya mampu bergambar sahaja.

Air paip di Kemboja sangat bahaya untuk diminum kerana kontiminasi. Jadi, minuman yang paling selamat untuk diminum ialah air tebu limau di tepi jalan. Sedap sungguh. Air tebu memberikan tenaga karbohidrat yang banyak dan harganya murah iaitu RM0.50.

Pejabat Pos Phnom Penh, Kemboja menyaksikan di mana aku menghantar semua poskad-poskad cinta kepada kawan-kawan seluruh dunia. Terima kasih kepada kawan-kawan yang memberi sokongan moral dan duit.

Rata-rata jalan di Kemboja tidak bertar dan hanya berturapkan tanah merah. Jalan terlampau banyak lubang dan membahayakan keselamatan pengguna jalan raya. Jalan yang berlubang ini boleh menjadikan absorber dan spring kereta rosak. Kerajaan mereka tidak cukup wang untuk memajukan negara dan masih mencari jalan untuk mengembangkan ekonomi.

Abang yang berketurunan Melayu Campa Kemboja ini sangat baik orangnya. Dia memberikan kami tempat tinggal di masjid untuk satu malam. Walaupun gajinya kurang dari RM300 sebulan, namun hatinya sungguh baik untuk menghulurkan bantuan kepada kami.

Merentas masuk ke Thailand dari sempadan Poi Pet, Kemboja. Berita baik tentang Thailand ialah banyak makanan halal dijual di 7 Eleven Thailand. Aku sangat gembira kerana dapat makan makanan halal yang pelbagai jenis.

Nasib baik terjumpa restoran halal di Damdek, Kemboja. Pemiliknya pernah bekerja di Malaysia sebagai tukang jahit dan sangat fasih berbahasa Melayu dialek Malaysia. Menu utama di restoran ini ialah Nasi Ayam yang berharga RM3.

Terjumpa satu kapal terbang yang terbiar berhampiran bandar Hua Hin, Thailand. Di sebelah kawasan ini terdapat satu lapangan menembak. Mereka menyewakan pelbagai senjata dengan harga yang berpatutan. Contohnya, senapang M16 bersama 30 peluru disewakan dengan harga RM30.

Krabi, Thailand. Laut yang jernih bersama ikan Nemo memukau mata aku sehingga ke hari ini. Kelebihan di Krabi ialah mereka menyajikan pelancong pelbagai jenis pantai untuk dilawati. Kebanyakan pelancong yang melawat Krabi ialah dari negara Russia, Ukraine dan Poland.

Chumphon, Thailand. Chalet yang sungguh cantik dikelilingi pokok hijau. Di belakang chalet ini terdapat satu tasik yang mempunyai pelbagai jenis ikan. Harga satu malam ialah RM60 sebilik. Sehingga sekarang aku masih tidak memahami mengapa harga hotel dan hostel di Thailand sangat murah jika dibandingkan dengan Malaysia.

Bangkok, Thailand. Pengangkutan paling terkenal di negara ini. Menggunakan enjin motor dan rangka yang ringan menjadikan kos untuk membuat tuk tuk ini sangat murah jika dibandingkan dengan kereta.

Di pedalaman Kemboja makanan halal susah untuk diperoleh. Aku terpaksa membeli kerang separuh masak yang masih penuh dengan darah merah untuk memenuhi keperluan protein bagi diet hari itu. Aku juga membeli sandwich ikan tuna namun si pemilik kedai tercampur daging khinzir ke dalam roti dan aku terpaksa memberi kepada orang miskin Kemboja. Keadaan hampir darurat.

Hasil beli-belah Hafidz di pasar Kemboja. Ikan yang diperap lalu digoreng. Aku hampir termuntah ketika makan ikan ini kerana rasanya yang pelik dan terlampau masam. Aku dan Hafidz tak mampu menghabiskan juadah yang unik ini.

RANTAI PUTUS MALAYSIA

Lima bulan telah berlalu dan kini aku hanya 1 km daripada sempadan Bukit Kayu Hitam, Malaysia. Inilah saat-saat yang aku nantikan selama ini. Aku dapat rasakan kaki, badan dan otak sudah penat dan lelah. Aku tunggu di satu tempat beli-belah di antara sempadan Malaysia dan Thailand. Jam di handphone menunjukkan pukul 1 petang dan semua wartawan daripada pelbagai media akan menunggu kehadiran aku tepat pada pukul dua petang di pejabat imigresen. Suhu di tempat ini semakin panas. Udara lembab aku hirup ke dalam hidung, membuatkan aku berasa kurang selesa. Tiada lagi pawana dingin yang menyapa tubuh genit aku. Tangan aku pula semakin berpeluh cuak kerana inilah kali pertama aku akan membuat sidang akhbar. Selera turut sama hilang ditindih sorok dengan perasaan gementar. Tetapi aku gagahkan juga untuk mengunyah dan menelan sisa makanan bagi memenuhi keperluan kalori yang diperlukan.

Setiap detik saat yang berlalu, semangat ku membara terbakar dengan gembira yang sebenarnya impianku sudah mulai menampakkan hasilnya. Setelah dua tahun negara tanah tumpah darahku tidak dijejak, cerianya wajah aku tika itu sungguh tidak mungkin dapat aku sorok. Tepat 1:40 petang, seorang pegawai polis yang bertubuh sasa menghampiri. Beliau memaklumkan bahawa sebentar lagi akan ada dua kereta polis akan bersama-sama mengiringi aku untuk masuk ke sempadan Malaysia. Aku diapit celahan kerata SUV polis, di belakang dan di hadapan. Aku perlu mengekalkan komposisi wajah yang bersahaja, kerana mereka cuma hanya mahu membukakan jalan untuk memudahkan dan mempercepatkan urusan.

Jam 1:45 petang, kereta polis di hadapan mula bergerak dan aku mengekorinya dari belakang. Aku hanya perlu berkayuh 400 meter yang terakhir ini dengan mudah. Tambahan, aku sedang menuruni bukit. Kereta polis membunyikan siren yang sangat kuat untuk memberi laluan istimewa kepada aku. Mudah! Namun siapa sangka aku akan jatuh ditimpa tangga. Semasa aku sedang berkayuh santai menuju ke imigresen, rantai basikal putus dua. Aku tunduk melihat ke bawah dan rantai itu sedang tergantung terhuyung-hayang. Bila-bila masa rantai itu boleh jatuh mencium jalan tar. Aku cuba untuk tidak berkayuh. Kalau aku berkayuh pasti rantai itu akan jatuh. Hati aku semakin gusar melihat wartawan dan ahli keluarga sedang menunggu aku di imigresen. Aku tak menyangka yang basikal akan bikin onar di kala saat terakhir begini. Hilang macho aku sebagai seorang jantan!

Mahu saja aku menuntun basikal tapi itu sama sekali tidak cool. Sudah pasti menjadi bahan ketawa untuk semua ahli keluarga dan wartawan yang sedang menunggu. 200 meter untuk tiba di imigresen, rantai rebah jatuh menyembah jalan tar. Dengan muka bersahaja aku berpura-pura berkayuh walaupun rantainya sudah punah hilang entah kemana. Abang polis di belakang sudah mula bergelak sakan, menambahkan lagi kecelaruan yang sudah sedia kusut ketika itu. Nasib baik aku menuruni bukit, kalau tidak terpaksa juga aku menurun dari basikal dan menuntunnya. Sambil melambai ke arah kamera meniru gaya sang puteri yang mencemar duli. Hah!

Walaupun bergerak perlahan, basikal masih bergolek turun bukit tanpa sebarang aral. Belum sempat tiba di imigresen, jurukamera lekas berlari menuju ke arah aku, lantas silauan pancaran cahaya dari lampu kamera membutakan aku seketika. Semakin gelabah mengenangkan keesokan harinya, satu Malaysia akan mengetahui

kepulangan aku dengan basikal. Yang lagi parah, kemungkinan tajuk utamanya ‘Hisham pulang tanpa rantai basikal’.

Setiba di imigresen, semua kelihatan sedikit hairan dan menyoal tanya aku tentang nasib rantai basikal yang sudah semestinya saat itu menjadi halimunan. Hilang tidak bertanda. Aku memberitahu mereka rantai aku baru saja putus setelah 11,000 km kayuhan selama 5 bulan. Ketua Imigresen, ahli keluarga dan wakil negeri Selangor memeluk aku dengan gembira kerana aku berjaya tiba di Malaysia dengan badan masih bersambung dengan nyawa. Sidang akhbar dilakukan di dalam ruang legar pejabat imigresen dan semua mata sedang tertumpu ke arah aku. Pelbagai soalan diajukan dan aku jawab dengan ringkas tapi padat.

Selesai sudah semuanya. Jerih perih lebih dari lima bulan menjalani perjalanan yang berbaur rasanya, sedih, penat, takut dan segalanya cukup rempah. Aku berjaya kembali ke pangkuan keluarga, diberi peluang lagi untuk menjunjung tanah air yang tercinta. Puas jelas tergambar pada riak wajahku. Terasa seakan mutiara hangat bakal mengalir di pipi, tetapi aku tahan. Cumanya senyuman di bibir aku biarkan membusuk. Impian yang dulu aku sangka cuma angan-angan, kini sudah aku laksanakan. Terpahat satu sejarah yang mampu untuk aku banggakan. Udara Malaysia disedut buat kesekian kali. Sekarang, ada ruang untuk impian baru. Mungkin berbasikal menuju Everest untuk memecahkan Guinness World Record! Why not?

“Take the world seriously but don’t take yourself seriously.”
- Ikmal Hazlan

18 JANUARI 2015 AHAD
BH KEMBARA
Pulang naik basikal
» Berkelana lebih 11,000km untuk sampai ke tanah air
MUKA 12/13
KEJUTAN SANG HARIMAU
» DEBARAN KETIKA DIKERUMUNI HAIWAN GANAS
MUKA 6
KARI KAMBING 40 HARI
» KEISTIMEWAAN RESTORAN DI JALAN YONG PENG MUKA 19
BANDAR WANITA
» LELAKI WAJIB IKUT UNDANG-UNDANG DITETAPKAN MUKA 21
Natvia Gordeiro

3D SYNAPSIS

MEDAL PRICE LIST

2019/2020 EDITION

Design and Made in South East Asia

EcoMedal

- PREMIUM WOOD
- CUSTOM ANY SHAPE
- 6MM THICKNESS
- FULL COLOUR
- DEBOSS WORDING
- 10 WORKING DAYS ONLY
- SIZE 8CM
- MOQ 50PCS
- FREE RIBBON LANYARD
- 100% MADE IN MALAYSIA

For questions and concerns, call +60182327747 or email to 3dsynapsis@gmail.com.

CRYSTAL ACRYLIC MEDAL

- PREMIUM ACRYLIC
- CUSTOM ANY SHAPE
- 5MM THICKNESS
- FULL COLOUR(NO ADDITIONAL CHARGES)
- 10 WORKING DAYS
- SIZE 8CM
- MOQ 50PCS
- FREE RIBBON LANYARD
- 100% MADE IN MALAYSIA

For questions and concerns, call +60182327747 or email to 3dsynapsis@gmail.com.

Crystal Catalogue 2020

ChronoTrigonal Prism CCP1101

Size: 150x170mm
Weight: 1.25kg
Quartz movement
Double A Battery



Golden Slate CPT1102

Size: 240x145mm
Weight: 1.37kg

Crystal Catalogue 2020

Fire Motiff CPT1103

Size: 240x110mm
Weight: 1.32kg



Blue Diamond Emblem CPT1104

Size: 230x140mm
Weight: 0.9kg

Crystal Catalogue 2020

Prismatic Icicle CPT1105

Size: 225x70mm
Weight: 0.8kg



Inverted Diamond CPT1106

Size: 250x140mm
Weight: 1.2kg